



Eksklusif

Polis buru sindiket 10



Cabaran capaian Internet

KAJI selidik yang dibuat MHI selama hampir sebulan mendapati, lebih 70 peratus responden kurang berpuas hati terhadap kualiti capaian Internet di Melaka, namun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kini sedang merangka langkah untuk mengoptimumkan perkhidmatan jalur lebar di negeri ini. **2&3**



Pokok Batai Laut lebih 120 tahun tumbang 7



SCIENTEX
BANDAR JASIN

Jasin HOMES
Pembandaran Baru Di JASIN

Rumah Teres 2 Tingkat
DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

PAKEJ EKSKLUSIF HARGA BERPATUTAN

HAK MILIK KEKAL

012-5197350
www.scientex.com.my

The Brand Awards Entrepreneur Leadership Award 2015-2016
The Brand Awards Best Residential Brand 2015-2016
The EDGE Billion Ringgit Club Highest Growth in Profit After Tax Over Three Years Top Five - Gold
The EDGE Billion Ringgit Club Highest Return on Equity Over Three Years Top Five - Gold

SCIENTEX HEIGHTS SDN. BHD. 198801002998 (T70255-V)
Scientex Jasin: Pejabat Jualan Scientex Jasin, JC 3499, Jalan Jasin Perdana 1, Taman Jasin Perdana, 77200 Bemban Melaka

Semua ilustrasi dan gambar foto yang terdapat di dalam iklan ini adalah gambaran arca sahaja. Semua maklumat pelan dan spesifikasi adalah terbatas kepada pindan sepihat yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa/ketibaan yang berkenaan dan tidak mengikuti sebahagian daripada tawaran atau kontrak.

*Terbatuk temu & syarat tentu

Lebih 70 peratus responden dakwa rangkaian Internet di Melaka kurang memuaskan



AYER KEROH - Lebih 70 peratus pelayar Internet di negeri ini meluahkan rasa tidak puas hati terhadap capaian jalur lebar, menurut kaji selidik dilakukan Melaka Hari Ini.

Majoriti 73.3 peratus itu direkodkan daripada keseluruhan 1,577 responden yang mengambil bahagian dalam pengumpulan maklumat bermula 15 Februari sehingga 10 Mac lalu.

Kaji selidik ini mengemukakan enam soalan mengenai tahap kepuasan pengguna Internet di Melaka membabitkan majoriti responden iaitu 97.8 peratus atau 1,543 daripada keseluruhan 1,577 responden adalah dari Melaka.

Daripada jumlah itu juga, majoriti responden iaitu 73.3 peratus atau 1,156 responden memilih tahap kepuasan penggunaan Internet kurang serta tidak memuaskan.

Manakala hanya 20.4 peratus atau 322 responden memberi komen memuaskan, 4.2 peratus (66) amat memuaskan dan 2.1 peratus atau 33 lagi responden tidak pasti.

Hasil kaji selidik juga mendapat 71.1 peratus atau 1,121 responden meluangkan masa lebih lima jam sehari untuk melayari Internet berbanding 19.8 peratus (312 responden) antara tiga hingga lima jam sehari.

Seramai 8.9 peratus lagi (140 responden) menghabiskan masa satu hingga tiga jam sehari diikuti 0.2 peratus (tiga responden) kurang daripada itu.

Keputusan kaji selidik turut mendapat lebih separuh iaitu 50.3 peratus responden juga didapati melayari Internet menggunakan telefon bimbit iaitu seramai 793 orang.

Hampir separuh lagi iaitu 48.3 peratus (762 responden) pula menggunakan empat peranti pintar dalam satu-satu masa iaitu telefon bimbit, tablet, komputer meja dan komputer riba untuk mengakses Internet.

Mereka yang hanya menggunakan komputer meja dan komputer riba pula adalah seramai 1.2 peratus atau 19 responden selain bakinya 1.2 peratus membabitkan tiga responden menggunakan kaedah lain untuk mengakses Internet.

Dari sudut demografi daerah pula, kaji selidik membabitkan responden terbesar dari daerah Melaka Tengah iaitu 47.3 peratus (746 responden), Jasin, 24.2 peratus (382) dan Alor Gajah 12.6 peratus (199) serta bakinya 15.9 peratus atau 251 responden dari luar ketiga-tiga daerah berkenaan.

Bagi medium akses Internet pula, 26 peratus (410 responden) menggunakan pelan pascabayar, 24.8 peratus (391) memilih pelan prabayar, Home Broadband, 12.6 peratus (198), TM Streamyx, 12.3 peratus (194), Home Broadband pascabayar 9.4 peratus (148) dan Home Broadband prabayar, sebanyak 5.9 peratus atau 93 responden.

- Kajian ini mula dilaksanakan pada 15 Februari 2021 dan berakhir pada 10 Mac 2021 menggunakan Google Form dan dihebahkan melalui media sosial Melaka Hari Ini.
- Seramai 1,577 responden telah mengisi borang kajian ini dan berdasarkan analisis kajian ini.

KAJI SELIDIK TAHAP KEPUASAN PENGGUNA INTERNET DI MELAKA

SOALAN 1

Demografi Responden



Analisis Data

- Melaka • 97.8% (1,543 responden)
- Lain-lain • 1.9% (30 responden)
- Selangor • 0.3% (5 responden)

SOALAN 2

Waktu jam sehari melayari Internet



Analisis Data

- Lebih 5 jam • 77.1% (1,121 responden)
- 3 - 5 jam • 19.8% (312 responden)
- 1 - 3 jam • 8.9% (140 responden)
- Lain - lain • 0.2% (3 responden)

SOALAN 3

Cara mengakses Internet

Analisis Data

- Prabayar • 26% (410 responden)
- Pascabayar • 24% (391 responden)
- Home broadband (Unifi, Maxis, Time, Digi dan lain-lain) • 12.6% (198 responden)
- TM Streamyx, Pascabayar/ • 12.3% (194 responden)
- Home broadband (Unifi, Maxis, Time, Digi dan lain-lain Pascabayar) • 9.4% (148 responden)
- Home broadband (Unifi, Maxis, Time, Digi dan lain-lain Prabayar) • 5.9% (93 responden)
- Prabayar/ Pascabayar • 3.4% (54 responden)
- Prabayar/ Pascabayar • 3.4% (53 responden)
- Lain-lain • 2.2% (34 responden)



SOALAN 4

Demografi Daerah

Analisis Data


- Melaka Tengah • 47.3% (746 responden)
- Jasin • 24.2% (382 responden)
- Alor Gajah • 12.6% (199 responden)
- Lain - lain • 15.9% (3 responden)

SOALAN 5

Tahap kelajuan Internet di rumah

Analisis Data

- Tidak / kurang memusakan • 73.3% (1,156 responden)
- Memuaskan • 20.4% (322 responden)
- Amat memuaskan • 4.2% (66 responden)
- Lain-lain • 2.1% (33.1 responden)



SOALAN 6

Peranti digunakan untuk mengakses Internet

Analisis Data

- Telefon bimbit (793 responden)
- Telefon bimbit/ Tablet/ Komputer meja/ Komputer riba • 48.3% (762 responden)
- Komputer meja/ Komputer riba • 1.2% (19 responden)
- Lain-lain • 0.2% (3 responden)

Solusi optimumkan rangkaian Internet Melaka

Faiz Hasan

BAGI mengoptimalkan capaian Internet di Melaka pelbagai strategi diambil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memastikan kesalinghubungan mampu dicapai di seluruh pelosok di negeri ini.

Pengarah SKMM Melaka, Muhammad Luqman Ali berkata, langkah itu bagi memastikan capaian Internet mampu dikuasai sepenuhnya sebelum peralihan penggunaan capaian teknologi 5G menjelang 2025.

Menurutnya, antara strategi itu termasuk menaik taraf 502 menara telekomunikasi di seluruh negeri secara berperingkat agar misi itu mampu dicapai sepenuhnya seiring inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang telah dilancarkan.

"Selain itu, kita juga akan

membina tujuh menara telekomunikasi baharu selain 22 menara telekomunikasi komersial akan dibangunkan dengan menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP).

"Malah, dalam perancangan ini kita turut menyasarkan 103,088 premis disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan gigabit (Gb) dengan menggunakan kaedah gentian optik," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut katanya, menerusi fasa pertama dalam Pelan JENDELA bermula 2020 hingga 2022 pelbagai langkah diambil pihaknya dengan menyasarkan 7.5 juta premis akan menerima akses kepada rangkaian jalur lebar tetap dengan berkelajuan Gb.

Selain itu, pihaknya akan memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8 per-

atus kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk dengan kelajuan-nya juga akan ditingkatkan daripada 25 Megabit per saat (Mbps) kepada 35 Mbps.

"Setakat ini kadar kelajuan jalur lebar mudah alih di Melaka mencatatkan kelajuan muat turun (download speed) sebanyak 22.25Mbps dan 10.68Mbps untuk kelajuan muat naik (upload speed).

"Untuk makluman, kadar jalur lebar mudah alih di Melaka merekodkan 1.04 juta langganan berbanding dengan 934,000 penduduk dalam negeri ini dan nilai ini menunjukkan kebarangkalian bahawa terdapat individu menggunakan lebih daripada satu gajet dalam langganannya.

"Manakala, kadar langganan jalur lebar talian tetap pula adalah sebanyak 96,000 berbanding dengan 270,000 premis di Melaka," katanya.

SKMM turut memfokuskan strategi menaik taraf 502 menara telekomunikasi di seluruh negeri secara berperingkat agar misi itu mampu dicapai sepenuhnya seiring inisiatif JENDELA yang telah dilancarkan baru-baru ini. Foto kredit MICTH



JENDELA landasan menuju Melaka Digital

MUHAMMAD
Luqman



MISI memperhebat Melaka sebagai negeri digital adalah agenda yang berketerpaduan seiring dengan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dilancarkan tahun lalu.

Menerusi inisiatif itu pelbagai langkah diambil serius SKMM bagi merealisasikan hasrat itu terutama dalam penggayaan norma baharu sepanjang tempoh pasca penularan pandemik COVID-19.

Muhammad Luqman Ali berkata, terdapat beberapa fasa telah direncana pihaknya bagi memperkasa penggunaan jaringan internet di negeri ini menerusi pelan JENDELA.

Jelasnya, pada fasa pertama dalam tempoh 2020 hingga 2023 lebih menjurus kepada memperluas rangkaian teknologi 4G secara menyeluruh di negeri ini dengan memastikan rangkaian yang stabil dengan liputan meluas sehingga ke kawasan luar bandar.

"Bagi fasa pertama kita akan memastikan lebih banyak premis di Melaka akan menerima liputan 4G dengan lebih meluas termasuk mempertingkatkan kelajuan penggunaan jalur lebar dan gentian optik bagi memastikan internet berkelajuan tinggi mampu diakses oleh semua pengguna."

"Selepas fasa pertama ini, ia adalah sebagai proses transisi dari penggunaan 4G kepada 5G dalam tempoh 2022 hingga 2025.

"Bagaimanapun kita tidak mahu tergesa-gesa bagi melaksanakan inisiatif ini... apa yang penting adalah misi bagi memastikan liputan 4G mampu digunakan menyeluruh dan stabil di seluruh pelosok negeri," katanya.

Muhammad Luqman berkata, penggunaan 5G dengan menyeluruh secara drastik bukan pendekatan holistik sekiranya rangkaian penggunaan 4G tidak mampu dicapai menyeluruh di negeri ini.

"Maka, kawasan-kawasan yang

tidak menerima rangkaian 4G ini akan ketinggalan sekiranya 5G dilaksanakan secara drastik.

"Jadi kita mahu laksanakannya secara berperingkat dengan yang paling utama adalah meningkatkan mutu kelajuan internet dan liputan menyeluruh di negeri ini.

"Penggunaan 5G pada fasa kedua nanti pula adalah pada permulaannya ia sebagai sebuah pendekatan bagi menyokong Revolusi Industri (IR 4.0) yang mana ketika itu pelbagai penggunaan aplikasi pintar, Internet Pelbagai Benda (IoT) serta pelbagai lagi dapat dicapai dan mampu digunakan," katanya.

Dalam perkembangan lain katanya, pihaknya akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan sistem telekomunikasi dijadikan sebagai utiliti ketiga dalam pembangunan infrastruktur di negeri ini.

Jelasnya, hasrat itu seiring dalam Majlis Digital Negeri Melaka (MEDiC) yang akan meletakkan garis panduan sistem telekomunikasi sebagai utiliti ketiga terutama dalam rancangan pembangunan kawasan perumahan baharu di Melaka.

"Peranan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah sangat kritikal dalam memastikan kelulusan dapat dipercepatkan agar hasrat menjadi utiliti telekomunikasi sebagai utiliti ketiga menjadi kenyataan."

"Pada masa yang sama, kepentasan kerajaan negeri dan PBT dalam meluluskan permohonan akan memberi impak positif kepada kemasukan lebih banyak pelaburan oleh syarikat telekomunikasi sekali gus mencetuskan spill-over effect kepada pembangunan sesebuah lokasi atau negeri."

"Dengan kerjasama yang diberikan, proses pembinaan infrastruktur dan melatarkan asas kepada transisi ke arah 5G dapat dipercepatkan," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang dilakui secara bejemah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

22 Mac 2021 - 28 Mac 2021 (8 Sya'ban 1442H - 14 Sya'ban 1442H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22 MAC 2021	6.07 am	7.15 am	1.21 pm	4.23 pm	7.23 pm	8.32 pm
23 MAC 2021	6.07 am	7.15 am	1.20 pm	4.22 pm	7.23 pm	8.31 pm
24 MAC 2021	6.07 am	7.14 am	1.20 pm	4.21 pm	7.22 pm	8.31 pm
25 MAC 2021	6.06 am	7.14 am	1.20 pm	4.20 pm	7.22 pm	8.31 pm
26 MAC 2021	6.06 am	7.14 am	1.19 pm	4.18 pm	7.22 pm	8.31 pm
27 MAC 2021	6.05 am	7.13 am	1.19 pm	4.19 pm	7.22 pm	8.31 pm
28 MAC 2021	6.05 am	7.13 am	1.19 pm	4.19 pm	7.21 pm	8.30 pm

**DATUK NOR AZMAN HASSAN**

8 Februari 1964 Kampung Tanah Merah, Tanjung Kling.
 Isteri Rohaya Mahat / Rusila Saat
 Anak Siti Sarah, Siti Sarina, Siti Salwa, Nor Azmi, Mohamad Firdaus, Mohamad Faiqa, Mohamad Azfar
 Pendidikan awal Sekolah Kebangsaan Pantai Kundor.
 Pendidikan tinggi Diploma Kuala Lumpur International Chamber of Commerce Education Group.
 Pengalaman kerja Industri minyak dan gas selama 30 tahun dengan PETRONAS Penapisan Melaka Sdn Bhd.



NOR Azman (kiri) ketika memantau kerja pembinaan semula rumah Fatimah Othman, 72, yang musnah dalam kebakaran baru-baru ini di Kampung Pantai Kundor.

Pelan pembangunan komprehensif DUN Pantai Kundor

Din Ahmad

MESKIPUN baru berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) tiga tahun lalu, Datuk Nor Azman Hassan, 56, mampu memberikan perkhidmatan sehingga mendapat pujian anggota komuniti.

Malah, Nor Azman aktif melaksana serta merancang pelbagai program pembangunan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) tersebut.

Bagi memastikan golongan berpendapatan rendah (B40) memiliki rumah, beliau mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya membina 500 unit rumah melalui Program Perumahan Rakyat (PPR).

Ia adalah pelengkap kepada 120 unit PPR yang sedang dibina di Tangga Batu Perdana yang sudah mencapai tahap 40 peratus pembinaan.

Bagi memajukan perniagaan di pantai peranginan Pantai Puteri yang berfungsi sebagai nadi pembangunan industri pelancongan, Nor Azman mencadangkan kepada kerajaan negeri membina pusat perniagaan lebih tersusun yang mampu menempatkan gerai mudah alih yang memenuhi ruang di kiri kanan jalan sepanjang pantai sekaran.

"Ia penting bagi mengelakkan pelancong tidak ada tempat meletak kenderaan," katanya ketika ditemui di Pantai Puteri, Tanjung Kling baru-baru ini.

Bagi melengkapkan perniagaan itu, beliau bercadang menyediakan lokasi khusus untuk trak makanan dan minuman berhampiran Balai Budaya sedia ada.

Pantai Puteri sepanjang 2.5 kilometer (km) itu akan turut dilengkapi dengan alat pembesar suara untuk menyiarlagu Dondong Sayang, selain menyampaikan maklumat semasa kera-

jaan.

Turut dimajukan ialah mewujudkan kawasan perniagaan 'uptown' di kawasan berhampiran Menara Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang sebelum ini pernah disediakan tetapi tergendala akibat pandemik COVID-19.

Medan Selera MBMB di Kampung Pantai Jaring akan turut dimajukan dengan kerja me-naik taraf kemudahan sedia ada, selain disusun lebih menarik dengan pemasangan lampu neon indah.

Nor Azman tidak mengetepikan nasib ne- layan di pantai berkenaan dan bagi memudahkan mereka beroperasi, jeti nelayan bernilai RM800,000 dicadangkan dibina.


Selain itu, kerja membaik pulih bangsal nelayan dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa bagi memastikan mereka mampu menyimpan enjin motor sangkut dan pelbagai peralatan menangkap ikan.

Mengenai industri pertanian, penanaman padi di Kampung Gelam, Pengkalan Lanjut dan Paya Luboh akan ditingkatkan melalui pembi- naan sistem pengairan dan saliran yang lebih baik.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) setuju untuk melaksanakan pelbagai kerja me-naik taraf sistem berkenaan, termasuk membina empangan kecil untuk kegunaan sawah pada musim kering," katanya.

Aspek pembangunan agama tidak pernah dilupakan dalam perancangan pembangunan DUN Pantai Kundor dengan cadangan pembi- naan masjid bagi mengantikan Masjid at-Taqwa di Kampung Bukit Darat dalam peringkat akhir untuk diluluskan kerajaan.

Selain itu, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersetuju membina sekolah agama moden di kawasan seluas 3.2 hektar di Kam- ping Tanah Merah Jaya.



Infografik : MELAKA HARI INI

Bina lebih banyak Rumah Prihatin dan PPRT

ANGGOTA komuniti dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor meminta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu, Datuk Nor Azman Hassan memohon kerajaan negeri membina lebih banyak Rumah Prihatin dan rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Ini kerana masih ramai anggota komuniti B40 yang belum memiliki rumah dan ada juga yang sudah memiliki rumah tetapi perlu menjalani proses pembinaan atau dibina semula.

Sidang Kampung Tanah Merah Jaya, Azmi Leman berkata, usaha Nor Azman mendapatkan peruntukan kerajaan negeri bagi membina Rumah Prihatin dan PPRT setakat ni berjaya memberikan peluang kepada beberapa anggota masyarakat B40 memiliki rumah.

"Ada juga rumah yang dibina dengan menggunakan wang ADUN sendiri seperti yang berlaku pada seorang lelaki orang kurang upaya (OKU), Abdul Ghani Mohd Noor, 60, di Kampung Tangga Batu Pekan.

Beliau berkata, lelaki OKU kategori kerdil itu tidak perlu lagi menadah hujan yang masuk melalui bumbung bocor atau bimbang ditimpah rumah yang sudah usang apabila rumah baharunya siap dibina pada pertengahan November lalu.

"Sejak arwah ibu dan ayahnya meninggal dunia lebih 20 tahun lalu, dia tinggal borseor-



"Ada juga rumah yang dibina dengan menggunakan wang ADUN sendiri seperti yang berlaku pada seorang lelaki orang kurang upaya (OKU)."

Azmi Leman -

jahit) jaring dan menjual ikan di balai nelayan yang bocor.

"Balai nelayan ini dibina lebih 15 tahun lalu dan bumbungnya sudah uzur tetapi tiang dan lantai masih kukuh," katanya di pantai itu baru-baru ini.



Abdul Aziz Yahaya, 59, ber- kata beliau dan nelayan lain ber- gotong-royong menyiapkan kerja memasang besi 'T Section' sebagai galang bumbung sebelum memasang bumbung adec.

"Beliau dan nelayan lain ber- gotong-royong menyiapkan kerja memasang besi 'T Section' sebagai galang bumbung sebelum memasang bumbung adec". **Abdul Aziz -**

Kerajaan lancar PEMERKASA bernilai RM20 bilion

Faiz Hasan

KUALA LUMPUR – Sebagai sebahagian daripada usaha untuk terus menyokong proses pemuliharaan ekonomi negara kerajaan hari ini melancarkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bernilai RM20 bilion serta suntikan fiskal baharu berjumlah RM11 bilion.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, PEMERKASA yang mempunyai lima fokus utama itu akan menumpukan kepada 20 inisiatif strategik bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan meneruskan bantuan bersasar kepada rakyat dan sektor yang masih terkesan.

"Negara kita sedang berada pada tahap kelima Strategi 6R (Resolve, Resilience, Restart, Recovery, Revitalise and Reform) Pelan Komprehensif Pemuliharaan Ekonomi, iaitu, 'Revitalise' atau memperkasa ekonomi."

"Pada tahap ini, strategi pemuliharaan ekonomi ditumpukan kepada usaha untuk merancak dan melonjakkan semula aktiviti ekonomi," katanya semasa mengumumkan program PEMER-



MUHYIDDIN

KASA itu pada 17 Mac lepas.

Setakat ini, kerajaan mengumumkan lima pakej bantuan yang berjumlah RM340 bilion, iaitu PRIHATIN sebanyak RM250 bilion, PRIHATIN PKS RM10 bilion, PENJANA RM35 bilion, Kita PRIHATIN RM10 bilion, PERMAI RM15 bilion dan PEMERKASA RM20

bilion.

Lima fokus PEMERKASA ialah mengawal penularan COVID-19, memacu pemuliharaan ekonomi, memperkuatkan daya saing negara, memastikan agenda keterangkuman wilayah dan masyarakat dan mentransformasi ekonomi.

Melaka meterai perjanjian pembangunan RM800 juta



SULAIMAN bertukar dokumen semasa Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama antara kerajaan negeri dan Parkland Avenue Sdn. Bhd. di Seri Negeri pada 16 Mac lepas.

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Kerajaan Melaka memeterai perjanjian usahasama dengan Syarikat Parkland Avenue Sdn. Bhd. bagi cadangan projek pembangunan bercampur melibatkan kawasan konsesi seluas 6.53 hektar bernilai RM800 juta di daerah Melaka Tengah.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek itu melibatkan kos RM800 juta untuk pembangunan projek perumahan pelbagai jenis termasuk banglo, rumah berkembar, kondominium bertaraf sederhana dan tinggi.

"Kerja-kerja pembangunan yang dirancang meliputi penyediaan infrastruktur

rizab jalan, parit dan lain-lain di kawasan konsesi.

"Projek pembangunan ini bakal memberi impak positif sekali gus membawa limpahan ekonomi bukan saja kepada Negeri Melaka khususnya, malah kepada Malaysia amnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama antara Kerajaan Negeri Melaka dan Parkland Avenue Sdn. Bhd. di Seri Negeri pada 16 Mac lepas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan, Pegawai Kewangan Negeri Melaka, Datuk Zaidi Johari dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (Pembangunan), Datuk Salih Salleh.

Pada majlis itu, Syarikat Parkland Avenue Sdn. Bhd diwakili Pengarah Urusan, Tan See Sen serta Pengaruhnya, Tee Kai Loon.

Jelas Sulaiman, dengan termeterainya perjanjian itu, kerajaan negeri telah menerima bayaran balasan lebih RM1.3 juta.

"Ia meliputi fi komitmen (RM100,000), 'earnest money' (RM492,140), ro-yalti pasir (RM351,529) dan pembangunan Kerajaan Negeri Melaka (RM432,229).

"Fi komitmen sebanyak RM100,000 telah dijelaskan syarikat Parkland pada tarikh sebelum menandatangani perjanjian ini dan pihak Parkland telah pun mengecukuan bayaran lebih RM1.2 juta kepada kerajaan negeri sebelum perjanjian melalui draf bank," katanya lagi.

Bazar Ramadan, Aidilfitri, solat Tarawih dibenarkan

KUALA LUMPUR - Operasi Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri serta solat Tarawih dibenarkan di seluruh negara sepanjang Ramadan tahun ini dengan syarat ketat.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan dibuat Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat COVID-19 hari ini selepas mendapat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memudahkan umat Islam membuat perseiduan.

"Selepas mengadakan perbincangan dan mendapat pandangan KKM dan ahli mesyuarat yang lain, hari ini Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bersetuju untuk membenarkan operasi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri di seluruh negara serta solat Tarawih.

"Bagaimanapun prosedur operasi standard (SOP) adalah ketat dan perlu dipatuhi oleh setiap peniaga kedua-dua bazar dan juga pengunjung.

"Antaranya syarat-syaratnya lokasi bazar di kawasan terbuka, menyediakan laluan sehala-pintu masuk dan keluar berbeza, pendaftaran MySejahtera di pintu masuk dan ada kawalan jumlah pengunjung," katanya pada sidang media Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac lepas.

Ismail Sabri berkata, waktu operasi Bazar Ramadan adalah mulai 3 petang hingga 8 malam manakala Bazar Aidilfitri dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam.

"SOP yang lain kita akan umumkan kemudian. Bagaimanapun dari sudut lokasi, jumlah gerai serta saiz tapak dan lain-lain akan ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri masing-masing.

"Jadi hari ini sebenarnya kita mendengar cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk Bazar Ramadan di Wilayah Persekutuan. Mereka ada SOP yang lengkap dan kita bersetuju.

"Tapi DBKL yang akan umumkannya, manakala bagi negeri-negeri, SOPnya akan diumumkan oleh dewan bandaraya, majlis daerah majlis daerah dan sebagainya," katanya.

Mengenai solat Tarawih berjemaah di masjid dan surau sepanjang Ramadan tahun ini, jumlah kehadiran jemaah adalah tertakluk kepada SOP dan keputusan negeri masing-masing

"Ini kerana solat atau apa saja aktiviti agama adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Bukan saja solat Tarawih, mungkin tadarus di masjid dan surau, ceramah agama atau tazkirah dan sebagainya..., jumlah kehadiran jemaah ditentukan kerajaan negeri.

"Ini tertakluk kepada kerajaan negeri, cuma kita di peringkat jawatankuasa ini bersetuju pada dasarnya solat Tarawih dan semua aktiviti di surau dan masjid pada Ramadan nanti kita benarkan," katanya.

OPERASI BAZAR RAMADAN & AIDILFITRI
DIBENARKAN
SELURUH NEGARA

**SOLAT TARAWIH
DIBENARKAN**

Secara berjemaah di masjid/surau dengan mematuhi SOP yang berkuatkuasa & jumlah kehadiran jemaah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri

Grafik : Melaka Hari Ini | Sumber : Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Faiz Hasan

TANJUNG TUAN – Kerajaan Melaka menyangkal dakwaan situasi terkini Pantai Cermin hampir ‘nazak’ kesan pencemaran akibat tumpahan minyak berlaku pada Oktober tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, bagaimanapun mengakui pantai peranginan terbabit kini dalam proses pemulihan dan mengambil masa untuk dipulihkan sepenuhnya.

Jelasnya, sehingga kini kerja-kerja pengawasan dan pemulihan pantai giat dijalankan oleh semua agensi terbabit termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Laut Malaysia (JLM) serta pelbagai agensi dan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

“Kebiasaan kejadian tumpahan minyak seperti ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun bagi pemulihan dengan kajian yang akan dilakukan.

“Malah, kita dapat Jabatan Perhutanan Melaka juga sudah bersiap sedia bagi memasukkan kawasan paya bakau di Pantai Cermin yang tercemar di bawah Program Kempen Penanaman Bakau dan Spesies Berseuaian dengan menyasarkan 100 juta pokok di seluruh negara.

“Kerajaan negeri sedang men-

ABDUL Ghafaar (dua kiri) diiringi kakitangan agensi terlibat bagi meninjau kawasan pantai dan paya bakau yang terjejas akibat tumpahan minyak berlaku di Pantai Cermin pada Oktober tahun lalu.



Pantai Cermin tidak ‘nazak’

gatasi masalah ini bagi memperhalusi setiap tindakan yang perlu diambil pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Lawatan Kerjanya di Pantai Cermin, Tanjung Tuan, di sini pada 16 Mac lepas.

Sementara itu, Pengarah JAS Melaka, Rosli Othman berkata, hasil bacaan Indeks Kualiti Air di kawasan itu berada pada tahap satu dengan bacaan dikelaskan sebagai ‘dalam

keadaan semula jadi’.

“Kita mendapati tiada hidupan yang terjejas di kawasan sekitar Pantai Cermin dan penguatkuasaan serta pemantauan turut dilaksanakan berterusan oleh semua pihak berkaitan bagi memastikan ia kekal selamat,” katanya.

Beliau berkata, susulan insiden tumpahan minyak itu, pihaknya telah menjalankan siasatan dan menemukan enam sampel dari empat kapal yang disyaki terlibat

dalam kegiatan itu.

Menurutnya, hasil ujian makmal telah melaksanakan pengecaman cap jari bagaimanapun tidak menemukan bukti kukuh bagi mendakwa beberapa kapal terlibat dalam insiden itu.

“Kita telah menjelaki sampel cap jari dari tiga kawasan berbeza iaitu laut, pesisir pantai dan di atas kapal, namun tidak dapat membuktikan sampel minyak yang dibuang kerana ia tidak sepadan.

“Kita dapat kejadian ini berlaku dengan licik sekali sehingga tidak mampu menjelakinya (si pelaku) dan mendapat ketika kejadian terdapat kira-kira 20 kapal berlabuh di sekitar perairan itu,” katanya.

Terdahulu, sebuah akhbar tempatan melaporkan paya bakau yang menjadi penampang penting hakisan pantai di situ berada dalam situasi nazak dan dijangka bakal lenyap selepas insiden tumpahan minyak dari Selat Melaka sukar dibersihkan.

‘Melakan Visit Melaka’ mula beri impak

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Promosi ‘Melakan Visit Melaka’ (Orang Melaka Melawat Melaka) 3.0 yang dilancarkan baru-baru ini mula memperkenalkan kejayaan apabila pantai peranginan Pengkalan Balak, di sini, mula dipenuhi pengunjung.

Walaupun mereka rakyat negeri ini, ia sedikit sebanyak merancakkan semula aktiviti pelancongan di pantai berkenaan.

Ini berikutan kebenaran rentas daerah yang diberikan kerajaan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) di negeri ini.

Bagaimanapun, keadaan kali ini tidak semeriah ketika kebenaran rentas negeri sebelum ini yang menyaksikan pantai itu padat dengan pelancong luar terutama Lembah Kelang

dan Johor.

Siti Jumaayah Abdul Jalil, 39, berkata beliau bersyukur berpeluang membawa empat anaknya berusia antara dua hingga 12 tahun berkelah di situ.

“Alhamdulillah, anak saya amat gembira dapat mandi-manda di pantai ini berbanding hanya terpaksa memerap dalam rumah sebelum PKPP dilaksanakan.

“Semalam, sebelum saya datang ke sini, saya pergi ke Balai Polis Durian Tunggal untuk meminta kebenaran tetapi anggota polis itu menyatakan rentas daerah tidak perlu surat kebenaran,” katanya ketika ditemui di pantai itu.

Kamariah Abdul Samad, 35, berkata beliau mengambil peluang cuti hujung minggu untuk berkelah bersama-sama tiga anggota keluarganya selepas terpaksa berkurung dalam

rumah sebelum ini.

“Kali ini kami dapat membebaskan fikiran dan pemandangan di laut yang terbentang luas selepas terpaksa berkurung dalam rumah sebelum ini,” katanya.

Promosi Melakan Visit Melaka 3.0 dilancarkan Pengarah Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis pada 12 Mac lalu dengan meletakkan sasaran menarik 6.2 juta pelancong tahun ini.

Ia turut memperkenalkan 24 lokasi pelancongan menarik berbanding 18 pada promosi kempen yang sama tahun lalu.

Katanya, kempen Melakan Visit Melaka 2.0 menawarkan sebanyak 58,465 pakej sudah terjual dengan jumlah pendapatan RM459,- 948.

Operasi perniagaan ikut ketetapan dalam lesen

JAWATANKUASA Khas COVID-19 Melaka memutuskan waktu operasi setiap premis perniagaan di negeri dibenar beroperasi mengikut ketetapan yang termaktub dalam lesen peniaga.

Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) kesemua premis perniagaan di negeri ini dibenar beroperasi termasuk sehingga 24 jam.

“Jika dalam lesen mereka dibenarkan beroperasi 24 jam, kita benarkan dan jika ada yang hanya 12 jam atau sebaliknya jadi mereka dibenar beroperasi dalam tempoh itu saja.

“Pengoperasian ini membabitkan semua jenis perniagaan termasuklah restoran, kedai serbaneka serta pam minyak (jika lesen sah operasi 24 jam).

“Kita benarkan mana-mana premis yang dilesenkan di negeri ini beroperasi mengikut ketetapan pemberi lesen iaitu oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri.

“Bagaimanapun kesemua premis yang dibenar operasi dalam tempoh PKPP ini tidak termasuk kelab malam dan pub di mana kerajaan memutuskan tiada sebarang kegiatan dijalankan dalam tempoh ini,” katanya.



PANTAI peranginan Pengkalan Balak meriah dengan kehadiran pengunjung yang merupakan dari anak negeri ini.

Asrama kotor, pekerja asing diarah pindah

Farah Suhaidah Othman

MASJID TANAH – Pemilik sebuah kilang pemprosesan makanan di Taman Perindustrian Masjid Tanah, di sini, diarahkan memindahkan 252 pekerjanya ke tempat penginapan lebih selesa berikutan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengesas keadaan di asrama di situ kotor dan berbau busuk.

Penemuan itu hasil operasi bersepadu JTK



KEADAAN bilik asrama pekerja kilang pemprosesan makanan yang tidak teratur dan kotor.

dalam memastikan majikan mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) serta prosedur operasi standard (SOP) dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di rumah penginapan pekerja warga asing.

Operasi tersebut turut disertai Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta Majlis

Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Wira Ar. Ismail Othman berkata, berdasarkan pemeriksaan pihaknya mendapati premis itu menggunakan 16 unit rumah kedai bagi menempatkan 252 pekerja asing.

Bagaimanapun, majikan terbabit didapati gagal mematuhi Undang-undang Kecil Bangu-

nan Seragam 1984 berikutan premis itu tidak mempunyai sistem pengudaraan dan pencuciayaan yang baik selain terdapat penggunaan bahan mudah terbakar di bahagian dapur.

"Berikutan itu, saya minta Pengarah JTK negeri mendarahkan majikan memindahkan semua pekerja berkenaan ke penempatan yang lebih selesa di Asrama Pekerja MyEg, di sini.

"Dalam pemeriksaan itu, ada beberapa kemudahan tidak dipatuhi termasuk sistem pengudaraan yang agak tersumbat sebab itu rasa agak sesak dan berbau selain tandas yang kotor dan ruang masak tidak sistematik," katanya ketika ditemui pemberita selepas operasi berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah JTK negeri, Rosli Jantan dan Pengarah JKKP, Dr Rabaayah Daud dan Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Abd Razak Omar.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sekiranya majikan premis berkenaan gagal memindahkan pekerja ke asrama pekerja MyEg, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 24D Akta 446 itu.

"Di asrama pekerja MyEg lebih selesa, yang mana setiap unit boleh menempatkan enam pekerja serta mempunyai ruang tamu, tandas dan dapur yang lebih selesa," katanya.



Tanam semula pokok Batai Laut

Muhsinah

BANDA HILIR – Anak pokok Batai Laut berusia dua tahun akan menjadi 'peganti' kepada pokok warisan spesies sama berusia lebih 127 tahun yang tumbang di hadapan Bangunan Stadthuys, di sini, awal pagi 17 Mac lepas.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu ketika dihubungi berkata, ketika ini pihaknya telah pun menemukan anak pokok yang sesuai mengantikan pokok asal di lokasi sama.

"Anak pokok Batai Laut itu baru berusia dua tahun dengan ketinggian enam meter. Tapi sebelum proses tanaman itu, kita perlu buat kajian terhadap akar-akar pokok lama yang masih berada di kawasan berkenaan."

"Kita akan cuba gali dahulu akar-akar pokok Batai Laut yang masih ada di dalam tanah untuk kajian dan pembelajaran sebelum digantikan dengan anak pokok berkenaan," katanya.

• Pokok jenis Batai Laut berusia lebih 120 tahun itu ditanam sejak sebelum merdeka iaitu ketika era penjajahan British pada 1894.

Pada 17 Mac lepas, Melaka Hari Ini (MHI) melaporkan, pokok ikonik yang menjadi lokasi wajib pelancong merakamkan gambar kenangan di 'bangunan merah' di sini akhirnya tumbang kira-kira jam 6.30 pagi dipercayai akibat akarnya yang telah reput.

Pokok jenis Batai Laut berusia lebih 120 tahun itu ditanam sejak sebelum merdeka iaitu ketika era penjajahan British pada 1894 sekali gus menjadikannya antara 300 pokok warisan berusia lebih 100 tahun yang terdapat di Melaka.

Mengulas lanjut Zainal berkata, MBMB juga sedang bekerjasama dengan syarikat konsultan arboris atau pakar penanaman, pengurusan, dan kajian pokok untuk mengenal pasti kaedah terbaik menguruskan pokok yang telah diwartakan.



POKOK dianggarkan berusia lebih seabad di hadapan bangunan Stadthuys akhirnya rebah ke bumi dalam kejadian awal pagi 17 Mac lepas.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@melakaharlini.my

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalmene87@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76ridawan@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
azren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN
& PENGILAKAN
NAQIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
Izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIIDZIR
khalidah@melakaharlini.my

MELAKATV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalizzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

Aktiviti proses, jual ketum terbongkar

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SUNGAI UDANG – Sebuah kedai di Taman Desa Taming Sari, di sini, yang selama ini dianggap kosong rupa-rupanya dijadikan ‘port’ memproses dan menjual air ketum sejak dua bulan lalu.

Bagaimanapun, kegiatan yang dilanjutkan di belakang kedai kosong itu berjaya dibongkar Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Melaka dalam satu Operasi Sarang yang dilanjutkan baru-baru ini.

Ketua JSJN negeri, Superintendant Zulkiflee Rashid berkata, bertindak hasil maklumat, pihaknya telah menyebut kedai terbabit sekitar jam 4 pagi dan menahan tujuh pelaku termasuk seorang warganegara Thailand berusia 25 tahun yang disyaki menjadi dalang utama.

Dalam serbuan itu, ujarnya, sebanyak 20 kilogram (kg) daun ketum dan 56 liter air ketum telah dirampas bersama-sama alatan memasak

I Kedai kosong terbabit dipercayai bergerak aktif sekitar dua bulan lalu untuk mengedar air ketum kepada penduduk di sekitar Sungai Udang dengan harga RM10 sebungkus. |

berupa periuk, dapur gas dan tong gas.

“Kegiatan ini dilanjutkan di sebelah sebuah restoran tom Yam di Pekan Sungai Udang yang mana kita percaya ia merupakan ‘port’ khas untuk memproses dan menjual cecair ketum di sekitar kawasan tersebut.

“Difahamkan, kedai kosong terbabit dipercayai bergerak aktif sekitar dua bulan lalu untuk mengedar air ketum kepada penduduk di sekitar Sungai Udang dengan harga RM10 sebungkus.

“Kita percaya daun-daun ketum yang diproses di premis itu dibawa dari sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan penyelamat (JBPM), Angka-

negeri ini menggunakan kendaraan berat seperti lori,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menjalankan Op Sarang JSJN Melaka, hari ini.

Zulkiflee berkata, Operasi Sarang yang pertama kali diajukan pada tahun ini itu telah dilanjutkan di dua lokasi berasingan iaitu di kawasan perumahan sekitar Sungai Udang dan Tapak Pelupusan Sampah Krubong.

Jelasnya, seramai 173 anggota daripada pelbagai agensi termasuk Agensi Antidarah Kebangsaan (AADK), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan penyelamat (JBPM), Angka-



ZULKIFLEE (tengah) menunjukkan daun serta air ketum yang dirampas hasil Op Sarang yang diadakan di Sungai Udang dan Krubong, baru-baru ini.

tan Pertahanan Awam (APM) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah digerakkan untuk membantu pihak polis dalam operasi itu.

Hasil serbuan, ujarnya, seramai 75 orang termasuk enam wanita disyaki penagih

berusia lingkungan 16 hingga 68 tahun telah ditahan membabitkan pelbagai kesalahan berkaitan dadah.

“Turut ditahan dua remaja lelaki dan perempuan berusia 16 tahun yang bersekutudukan di sebuah rumah sewa di Sungai Udang

bersama-sama dadah jenis syabu dan heroin.

“Kesemua kes disiasat mengikut Seksyen 39 A(1), Seksyen 12 (3), Seksyen 6, Seksyen 15 (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952,” katanya lagi.

Taman Seri Mangga Sek - 1



RUMAH TERES SETINGKAT
22' x 70'
(4 bilik tidur, 2 bilik air)

HARGA JUALAN
Min RM336,400.00
(bermula dari)



GROUND FLOOR PLAN CORNER LOT



Tiong Yuen Development Sdn Bhd
No. 37-Grd Flr, Jalan Kesisiangan 3/11,
Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak,
75300 Melaka.



No. Telefon
06-3371389 (Pejabat)
011-35042516 (TINI)
012-2196788 (Peggy Lim)

中原發展有限公司

TIONG YUEN DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No: 149022-W)
No. 37, Jalan Kesisiangan 3/11, Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka
Tel: 06-337 1389 Fax: 06-337 3855
Email Address: tydevelopment@yahoo.com

Tuntutan balas terhadap KAJ Development

Kerajaan Melaka fail pembelaan

Liana Sahabudin

SERI NEGERI — Kerajaan Melaka melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka pada 18 Mac lepas, memfailkan pembelaan dan tuntutan balas terhadap wriit saman KAJ Development Sdn Bhd berhubung Notis penamatan Perjanjian Penambakan laut bertarikh 4 Oktober 2017.

Kenyataan Jabatan Ketua Menteri Melaka memaklumkan dalam pembelaan itu Kerajaan Negeri menafikan tuntutan syarikat itu dan menegaskan bahawa penamatan Perjanjian Tambak Laut itu adalah sah berikutan kegagalan syarikat menyiapkan penambakan seluas 609 ekar (246.454 hektar) dalam tempoh masa yang dipersetujui iaitu 36 bulan.

Menurut kenyataan itu, sepetimana yang dipersetujui pihak-pihak melalui perjanjian terbabit, penambakan laut itu seharusnya disiapkan dalam tempoh 36 bulan.

"Dan kerajaan negeri sepatutnya mendapat 1/6 bahagian tanah dari keseluruhan kawasan yang ditambah sebagai balasan kepada kerajaan negeri.

"Kenyataan pihak KAJ dalam tuntutannya bahawa punca kelewatan menyiapkan kerja penambakan disebabkan kelewatan kelulusan teknikal diberikan kepada syarikat adalah tidak berasas.

"Kerajaan negeri percaya bahawa sebarang kelewatan di pihak KAJ disebabkan kegagalan serta ketidaaan tindakan sewajarnya oleh KAJ sendiri," katanya dalam kenyataan baru-baru

ini.

Menurut kenyataan itu, dalam apa jua keadaan, kerajaan negeri percaya bahawa KAJ dengan jelas gagal menyiapkan penambakan di bawah perjanjian tersebut dalam tempoh masa yang diberikan.

"Atas alasan ini, kerajaan negeri berhak menamatkan perjanjian tersebut dengan pihak syarikat.

"Pada masa sama kerajaan negeri turut membuat tuntutan balas kepada KAJ berikutan kerugian yang ditanggung akibat kegagalan untuk menyempurnakan kontrak tersebut," katanya.

Jabatan Ketua Menteri Melaka memak-

lukkan, antara ganti rugi yang dituntut meliputi bayaran premium tanah bagi kesemua kawasan penambakan serta 1/6 bahagian tanah hak milik kerajaan negeri di keseluruhan tapak konsesi dan bayaran cukai tanah premium berjumlah RM410,677,655.95.

"Kerajaan negeri juga menuntut balas terhadap pengayaan tidak patut (unjust enrichment) yang telah diperolehi KAJ yang terhasil daripada pelbagai pakej galakan istimewa sebagai Pemaju Induk oleh MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia).

"(KAJ) memperolehi insentif cukai bagi pengecualian cukai pendapatan dan memperoleh lesen 'ship-to-ship transfer' yang membo-

lehkannya mengutang keuntungan serta penjualan sebahagian daripada PME 1 kepada pihak ketiga dengan jumlah RM43,657,000," katanya.

Untuk rekod KAJ telah diberikan kelulusan untuk konsesi penambakan laut pada tahun 2009. Lanjutan daripada kelulusan tersebut, beberapa perjanjian penambakan di antara kerajaan negeri dan pihak syarikat telah ditandatangani pada tahun 2009, 2012, 2013 dan 2014.

Memandangkan perjanjian-perjanjian sedia ada tersebut telah tamat dan projek penambakan masih belum selesai, hasil perbincangan bersama di antara KAJ dan kerajaan negeri satu perjanjian akhir merangkumi PME1 (211.5976 ekar), PME2 (299.2624 ekar) dan PME3 (98.14 ekar) telah ditandatangani pada 4 Oktober 2017 untuk kawasan penambakan seluas keseluruhannya 609 ekar bagi tempoh 36 bulan yang tamat pada 4 Oktober 2020.

Namun, pihak KAJ didapati gagal mematuhi terma perjanjian penambakan apabila gagal menyiapkan kerja penambakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Memandangkan Perjanjian Akhir tersebut telah tamat tempoh dan kegagalan KAJ, maka kerajaan negeri mengemukakan notis kepada KAJ untuk meremedikan kegagalan KAJ pada 12 Oktober 2020.

Memandangkan KAJ masih gagal untuk meremedikan kegagalan mereka, pada 16 November 2020 kerajaan negeri tiada pilihan lain selain mengemukakan Notis Penamatan ke atas KAJ.



Jabatan Ketua Menteri Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh.

4 UNIT UNTUK DIJUAL

TAMAN BANDAR BARU SUNGAI UDANG
LOT RUMAH KEDAI 2 TINGKAT

Harga Jualan dari RM 500,000 ke atas

Hubungi kami:
Minat Kemuncak Sdn Bhd
06-441 5037 / 012-311 0500

Farah Suhaidah Othman

MASJID TANAH – Ejen sindiket judi atas talian tanpa segan silu mempromosi kupon tambah nilai di lokasi tumpuan orang ramai, manakala kaki judi pula terlalu ghairah bermain di tempat awam.

Itu senario ‘keasyikan’ aktiviti perjudian di sebuah kedai makan di Jalan Bandar Baru 1, berhampiran pasar Masjid Tanah, yang terbantut apabila lima ‘tahi judi’ berusia 48 hingga 58 tahun dicekup dalam serbuan sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Antimaksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) negeri, Asisten Komisioner Mohd Sukri Kaman berkata, menerusi operasi tiga jam pada malam 17 Mac lepas, pihaknya turut menahan empat lelaki berusia 19 hingga 58 tahun dipercayai ejen judi atau penjual kupon tambah nilai aplikasi judi.

Katanya, hasil maklumat dan risikan orang ramai, pihaknya menyerbu tiga lokasi iaitu di sebuah kedai makan berhadapan sebuah kedai pakaian di Jalan Bandar Baru 1, di sini, dan dua lagi premis kedai di Jalan Sri Aman 5, Taman Sri Aman.

“Ketika serbuan pertama, lima lelaki kaki judi sedang leka bermain tanpa menyedari



WANG tunai dipercayai digunakan dalam aktiviti judi dalam talian dirampas dalam serbuan di sebuah kedai makan di Jalan Bandar Baru 1, berhampiran pasar raya pakaian di Masjid Tanah.

kehadiran pihak berkuasa manakala empat penjual kupon terbabit sedang makan malam sambil menunggu kehadiran pelanggan tetap kaki judi.

“Polis turut merampas sembilan telefon bimbit dan

wang tunai berjumlah RM7,325, manakala dalam serbuan kedua dan ketiga, kita menahan dua lelaki lagi dipercayai ejen penjual kupon tambah nilai di dua premis berasingan di Taman Sri

Aman,” katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mohd Sukri berkata, semua lelaki yang ditahan dibawa ke Balai Polis Masjid Tanah untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 4(1)(c) dan

Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953,” katanya.

Beliau berkata, sindiket perjudian di negeri ini sentiasa mengubah taktik modus operandi aktiviti perjudian bagi menarik pelanggan untuk ter-

jejak ke dalam kegiatan tidak bermoral itu selain mengelak aktiviti mereka dihindu pihak berkuasa.

Katanya, polis berdepan cabaran apabila peranti elektronik yang dirampas daripada penjual kupon nilai tambah berkenaan tidak ada laman web perjudian yang tertera boleh dikaitkan dengan sindiket terbabit sebaliknya hanya menyimpan data dan angka angka kupon tambah nilai sa-

haja. Dalam perkembangan sama, beliau berkata, menerusi operasi terancang Op Dadu dalam tempoh tiga tahun sejak 2019 hingga 14 Mac lalu, sebanyak 690 serbuan dilakukan dengan penahanan 790 individu.

“Dalam semua serbuan itu, polis merampas 912 komputer dan telefon bimbit selain wang tunai berjumlah RM140,777.

“Sepanjang tempoh sama, JSJ Melaka telah mengambil tindakan memotong bekalan elektrik terhadap 148 premis perjudian mengikut Seksyen 21A, Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

“Menerusi kerjasama bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sebanyak 23 laman perjudian serta membatalkan enam lesen perniagaan menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya lagi.

Kedai makan ‘port’ judi dari petang sampai malam

BEGITULAH hari-hari, setiap petang sehingga ke malam, itu memang ‘port’ mereka berjudi di sini.”

Itu kata seorang peniaga di kawasan Jalan Bandar Baru 1 di Masjid Tanah mengenai lokasi tumpuan ‘kaki judi’ dan ejen penjual kupon tambah nilai berurus niaga dengan pelanggan tetap mereka.

Wanita yang enggan dikenali berkata, kedai makan di sekitar kawasan itu memulakan operasi jam 4 petang hingga 12 tengah malam.

“Sebaik kedai dibuka, kebanyak ‘kaki judi’ yang rata-ratanya terdiri daripada kalangan warga emas dan penjual kupon tambah nilai itu memang orang sama yang akan berada di sini.

“Ramai pelanggan lain menyederhanakan kegiatan mereka kerana terlalu selamba berjudi di kawasan tumpuan orang ramai tetapi apakan daya, hendak menegur mereka juga pelanggan di sini,” katanya.

Terdahulu, lima lelaki diper-

caya ‘kaki judi’ manakala empat lagi ejen penjual kupon tambah nilai, yang semuanya berusia antara 19 hingga 58 tahun ditahan dalam serbuan dilakukan Bahagian Antimaksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka selama tiga jam pada malam 17 Mac lepas.

Tinjauan Melaka

Hari Ini (MHI) mendapati semua kaki judi itu memilih kedai makan untuk dijadikan ‘port’ berjudi berikut dibimbangi kegiatan mereka dihindu ahli keluarga.

Malah, mereka mendakwa terpaksa mencari duit tambahan bagi menampung keperluan keluarga yang terjejas menghadapi pandemik COVID-19.

Dalam pada itu, seorang agen penjual kupon tambah nilai sindiket perjudian berusia 39 tahun berkata, dia baru sebulan menjalankan aktiviti kupon tambah nilai di sebuah kedai di Jalan Sri Aman 5, Taman Sri Aman.

“Sejak kedai dibenarkan beroperasi, saya memang buka kedai 24 jam, tidak pernah tutup.

“Bos bagi saya kerja, saya pun kerjalah...kalau tidak mana mahu cari duit?,” katanya.



TIGA daripada empat lelaki (duduk) yang dipercayai ejen penjual kupon tambah nilai sindiket perjudian ditahan dalam serbuan di Jalan Bandar Baru 1, Masjid Tanah.



KAKI judi dan penjual kupon tambah nilai dibawa ke Balai Polis Masjid Tanah menaiki van polis selepas ditahan dalam serbuan di sebuah kedai makan di Jalan Bandar Baru 1, berhampiran pasaraya pakaian di Masjid Tanah pada malam 17 Mac lepas.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Perkasa peranan Baitulmal

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

SECARA ringkas, Baitulmal merupakan satu bentuk institusi kewangan dan pengurusan harta dalam Islam yang disulami dengan konsep penggunaan harta yang amat luas dan teretaskan atas utama yang merangkumi tiga unsur penting.

Konsep utama yang menjadi inisiatif awal adalah merupakan sektor pengurusan dari sudut ekonomi khususnya melibatkan maslahat umat Islam.

Diikuti dengan unsur seterusnya merangkumi urus tadbir yang efisyen dalam aspek pentadbiran menjadi pemangkin kepada pengukuhan peranan Baitulmal dalam melindungi harta Baitulmal ke arah yang lebih baik.

Penggunaan harta dan milikan Baitulmal sentiasa di urus dengan baik bagi memberi lebihan manfaat kepada umat Islam khususnya meliputi wang zakat dan harta wakaf.

Di negara ini, Baitulmal ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan bidang kuasa agama di bawah kuasa negeri.

Baitulmal negeri beroperasi dan diselaras mengikut Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri di bawah pengurusan MAIN.

Baitulmal mengendalikan harta orang Islam yang meliputi zakat, wakaf dan harta sumber am lain seperti kutipan khairat, harta pusaka tidak berwaris, baki faraid dan lain-lainnya mengikut hukum syarak serta undang-undang yang berkaitan.

Pada masa kini, fungsi Baitulmal sebagai institusi kewangan telah

diambil alih sepenuhnya oleh Perbadanan Negara dan Kementerian Kewangan. Kewujudan Perbadanan Malaysia dan Baitulmal negeri seharusnya saling melengkap antara satu sama lain. Ia seharusnya dijadikan sumber kekuatan bagi umat Islam di negara ini meningkatkan kedudukan sosio ekonomi.

Baitulmal bukan sekadar berperanan untuk pembangunan yang ada kaitan dengan ibadat khusus seperti menyediakan tempat untuk mengerjakan solat dan untuk menjaga kebaikan orang memerlukan namun turut merangkumi segala kegiatan pembangunan negara sama ada untuk pembangunan ekonomi, infrastruktur, pendidikan, pertahanan, perkhidmatan awam dan kebudayaan.

Dengan adanya Baitulmal, pengagihan dan pengurusan harta akan menjadi lebih adil dan saksama di samping mampu menjana ekonomi umat Islam.

Institusi Baitulmal melambangkan bahawa negara Islam adalah sebuah negara yang berkebajikan yang sentiasa menjaga kepentingan umat Islam dan prihatin terhadap setiap keperluan mereka.

Peranan dan penglibatan Baitulmal dalam ekonomi di atas jelas memaparkan bahawa semangat keadilan adalah prinsip kawalan terhadap peranan dan penglibatan umum Baitulmal dalam ekonomi negara.

Segala dasar dan polisi sama ada dalam memenuhi peranan Baitulmal dalam mengubal dasar fiskal dan kewangan, Islam menuntut supaya semangat keadilan dijadikan landasan agar kebebasan individu isi rumah dan firma dalam menjalani kegiatan ekonomi mereka tercapai di samping memelihara kepentingan masyarakat.

kat.

Kespaduan pencapaian matlamat tersebut akan mencetus kepada kestabilan yang seterusnya mencapai

pertumbuhan ekonomi negara yang mantap dan progresif mengikuti amalan sistem ekonomi Islam yang ditetapkan oleh syarak.

|| Dengan adanya Baitulmal, pengagihan dan pengurusan harta akan menjadi lebih adil dan saksama di samping mampu menjana ekonomi umat Islam. ||



Kelas Bimbingan Muallaf

Fardhu Ain & Al-Quran

**Negeri Melaka Anjuran
Majlis Agama Islam Melaka**

Daerah Melaka Tengah

Kompleks Darul Huda
Masjid Cina
Masjid Ujong Pasir
Kem Terendak
Penjara Sg. Udang

Daerah Alor Gajah

SRA JAIM Jelatang
Masjid Kg. Guan Linggi
Masjid Al-Sultan Abdullah
Surau KOA Bukit Sebang
Surau KOA Bukit Payung
Surau KOA Tebong
KOA Kubang Badak
Surau KOA Machap

Daerah Jasin

Masjid Al-Ghaffar
Masjid Air Merbau
Masjid Al-Hasanah
Masjid Asy-Syuja'ah
Surau Taman Bahagia Jasin
Surau KOA Pondok Batang
Surau KOA Lubuk Bandung

Sebarang pertanyaan,
sila hubungi
Unit Pengislaman & Dakwah,
Bahagian Balai Islam

06-337 2873

Jadual boleh dirujuk di Facebook Balai Islam



**Ke Manakah
Wakaf Anda?**



Jam Berwakaf
Wakaf Tunai Melaka



**Bayaran
Wakaf
Serendah
RM 2.00
Sahaja**

Pengambilan/Pembelian
Lot Tanah Bagi Tujuan
Keagamaan

Pembangunan
Hartanah Wakaf

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809

**Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SECARA BULANAN**

**Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST**

**Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM**

**Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
0401 5010 0174 34**



PEGAWAI Wakaf MAIM, Ataillah Zakaria menyantuni pewakaf, Sith @Mohd Noor Yusof yang telah mewakafkan lot 1146 Mukim Kandang bagi tujuan wakaf am demikian manfaat bersama umat Islam di negeri ini.



PERBINCANGAN mohon melaksanakan wakaf sebahagian lot 935 Mukim Sungai Baru Ulu bagi penyediaan tanah perkuburan Islam Pondok Barkatul Qadiri.



TINJAUAN ke beberapa lokasi lot tanah Baitulmal yang terdapat disekitar daerah Alor Gajah. Lokasi yang agak menarik dan berdekatan dengan kedudukan jalan utama memberi peluang untuk dimajukan dan dibangunkan di masa akan datang.

CALL & TAKE

ZAKAT MELAKA
Sara Jeen Sari Raya

Hubungi Kami Di Talian:
1-300-88-0233

Kami SEDIA Ke Premis Anda Untuk
KIRA & LUNAS ZAKAT

atau sila layari:
izakat.com
Untuk Pembayaran Secara Atas Talian

Zakat Melaka akan mengambil langkah pencegahan seperti disarankan Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan keselamatan pelanggan dan warga kerja Zakat melaka terjamin dalam usaha mencegah penularan wabak Covid-19

1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka Zakat Melaka

Tanggungjawab ibadah kerana Allah SWT



Datuk Hj. Ibrahim
Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

Setiap ibadah yang dilakukan akan mendapat rahmat dan keampunan serta memperolehi ganjaran pahala yang besar disisi-Nya. Misalan, ibadah zakat merupakan tuntutan wajib bagi setiap umat Islam dan Allah SWT menyediakan ganjaran yang besar kepada mereka yang menuaikan ibadah zakat. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 261:

Yang bermaksud: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Tanggungjawab ibadah zakat ini dapat menjaga hubungan sesama manusia dimana mereka yang berdepan dengan kesusahan hidup akan diberikan bantuan. Sebagai contoh, apabila negara Malaysia mengalami situasi yang amat membimbangkan semua pihak iaitu penularan pandemik COVID-19, Kerajaan Ma-

laysia telah mengambil pendekatan membantu rakyat yang terjejas dengan melancarkan rangsangan ekonomi melalui bantuan prihatin kepada golongan sasaran B40 dan M40.

Dalam masa yang sama, setiap negeri di Malaysia berperanan dan bertanggungjawab melalui Majlis Agama Islam Negeri telah mengagihkan bantuan zakat kepada mereka yang mengalami kesempitan kewangan. Bantuan zakat ini adalah hasil daripada pembayaran-pembayaran zakat di setiap negeri sekaligus memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan. Apabila seseorang itu memudahkan urusan orang lain yang mengalami kesulitan, Allah SWT akan memudahkan urusan baginya di dunia mahupun di akhirat kelak.

Seperitimana dari Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: "Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah SWT akan melepas kandarinya satu kesusahan pada hari kiamat. Barangsiapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah SWT akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa yang menutupi aib seseorang

muslim, pasti Allah SWT akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Allah SWT sentiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu suka menolong saudaranya". (Hadis Riwayat Muslim)

Justeru itu, semua pihak perlulah memainkan peranan penting bagi memikul tanggungjawab ini. Tanggungjawab ibadah ini haruslah ditanam di dalam hati-hati insan yang beriman dan bertaqwa semata-mata kerana Allah SWT tidak kiralah ibadah itu berbentuk wajib ataupun sunat. Allah SWT akan memberi ganjaran pahala yang amat besar di akhirat kelak. Yakin dan percayalah janji Allah SWT kepada hamba-Nya yang taat terhadap perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semoga Negara Malaysia diberikan kemakmuran dan dihindarkan segala musibah, bencana dan wabak penyakit. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. **Zakat - "Bersih Jiwa Suci Harta".**

ZAKAT SAHAM

(Kaedah 1: Saham Yang Dimiliki
Sehingga Hujung Tahun)



CONTOH KAEDEAH 1 PENGIRAAN ZAKAT SAHAM

KEWAJIPAN MENUNAIKAN ZAKAT SAHAM

- Saham yang dibenarkan di sisi syarak, asalkan ianya terhindar daripada aktiviti haram seperti penipuan, riba, judi dan sebagainya.

CONTOH PENTAKSIRAN SAHAM YANG DIMILIKI SEHINGGA HUJUNG TAHUN

BIL.	SAHAM SYARIKAT	NILAI SAHAM TERENDAH TAHUN 2020	NISAB PADA AKHIR TAHUN 2021
1.	SYARIKAT A	6,000 UNIT X RM3.00 = RM 18,000.00	
2.	SYARIKAT B	4,000 UNIT X RM0.80 = RM 3,200.00	
3.	SYARIKAT C	3,000 UNIT X RM0.80 = RM 2,400.00	
JUMLAH		13,000 UNIT = RM 23,600.00	RM 20,312.24

NISAB ZAKAT
TAHUN 2021
RM 20,312.24

KIRA
SEMAK
DAFTAR
BAYAR



Sila Imbas
www.izakat.com

CONTOH PENGIRAAN ZAKAT SAHAM

- Saham ini telah cukup syaratnya iaitu HAUL & NISAB, maka penaksiran ZAKAT bagi saham yang dimiliki sehingga hujung tahun adalah :

$$\text{RM } 23,600.00 \times 2.5\% = \text{RM } 590.00$$

**KADAR ZAKAT
2.5%**

1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka Zakat Melaka

ZAKAT SAHAM

(Kaedah 2: Saham Yang Dijual Beli Sepanjang Tahun)



CONTOH KAEDEAH 2 PENGIRAAN ZAKAT SAHAM

KEWAJIPAN MENUNAIKAN ZAKAT SAHAM

- Saham yang dibenarkan di sisi syarak, asalkan ianya terhindar daripada aktiviti haram seperti penipuan, riba, judi dan sebagainya.

CONTOH PENTAKSIRAN SAHAM YANG YANG DIJUAL BELI SEPANJANG TAHUN

NAMA SAHAM	BELIAN SAHAM (RM)	JUALAN SAHAM (RM)	KEUNTUNGAN (RM)
A	2,000	12,000	10,000
B	3,000	15,000	12,000
JUMLAH			22,000.00

CONTOH PENGIRAAN ZAKAT SAHAM

- Saham ini telah cukup syaratnya iaitu HAUL & NISAB, maka penaksiran ZAKAT bagi saham yang dimiliki sepanjang tahun adalah :

$$\text{Jumlah Keuntungan} \times 2.5\% = \text{RM } 22,000.00 \times 2.5\% = \text{RM } 550.00$$

NISAB ZAKAT
TAHUN 2021
RM 20,312.24

KIRA
SEMAK
DAFTAR
BAYAR



Sila Imbas
www.izakat.com

**KADAR ZAKAT
2.5%**

Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com



1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka zakat.melaka Zakat Melaka

Cakna Kasih Asnaf MCARM



BADAN Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM turut menyampaikan sumbangan katil dan commode chair (kerusi tandas) kepada asnaf, Supian Jaafar yang terlantar berikutan menghidap sakit lumpuh separuh badan.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bertanya khabar kepada isteri kepada Syukri A Rahman yang ditimpah musibah kecederaan tulang belakang baru-baru ini.

SUMBANGAN cek dan katil kepada asnaf turut disampaikan Md Rawi.



KATIL pelbagai guna yang diberi mampu memberi keselesaan kepada pesakit.

TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyerahkan replika cek kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pernu yang diwakil Pengetua, Jasmi Husin baru-baru ini. Sumbangan berkenaan disampaikan bagi tujuan pembinaan surau di sekolah berkenaan dalam usaha memberi kemudahan tambahan kepada murid dan guru melaksanakan ibadah solat serta program keagamaan di masa akan datang.



PERKHIDMATAN' BAYARAN' SECARA "ONLINE"

WAKAF TUNAI!

- Wakaf Perubatan
- Wakaf Pendidikan
- Wakaf Pembangunan
- Wakaf Masjid, Surau dan Madrasah

FIDYAH!

- Denda yang dikenakan ke atas orang Islam yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu @ melewatkannya pada bulan Ramadhan
- Hukumnya WAJIB disempurnakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan

Layari laman sesawang
<https://ebayar.melaka.gov.my>

Portal E-Bayar
E-BAYAR KERJAAN NEGERI MELAKA
& Pembayaran

FPX
Online Banking Payments

Negeri Melaka Maju, Berjaya, Mewujudkan Masyarakat Berdaya

JOM BERWAKAF
“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

<https://www.iwakaf.maim.gov.my/>

-Hadith Riwayat Muslim-



SMART A+

**SOALAN LATIHAN &
TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : MATEMATIK**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :
011-15116270 / 019-2886270".

STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN
STATISTICS AND PROBABILITY

- 1 Min / Mean, $\bar{x} = \frac{\sum x}{N}$
- 2 Min / Mean, $\bar{x} = \frac{\sum f x}{\sum f}$
- 3 Varians / Variance, $\sigma^2 = \frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N} = \frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2$
- 4 Varians / Variance, $\sigma^2 = \frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f} = \frac{\sum f x^2}{\sum f} - \bar{x}^2$
- 5 Sisihan piawai / Standard deviation, $\sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N}} = \sqrt{\frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2}$
- 6 Sisihan piawai / Standard deviation, $\sigma = \sqrt{\frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f}} = \sqrt{\frac{\sum f x^2}{\sum f} - \bar{x}^2}$
- 7 $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$
- 8 $P(A') = 1 - P(A)$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1- MATEMATIK KERTAS 1)

KERTAS 1

- 1 Ungkapkan 0.01267 dalam bentuk piawai.
Express 0.01267 in standard form.

- A 1.26×10^{-3}
B 1.26×10^{-2}
C 1.27×10^{-3}
D 1.27×10^{-2}

- 2 Cik Aminah bekerja sebagai seorang guru. Beliau menerima pendapatan sebanyak RM4 500. Cik Aminah juga mempunyai dua buah rumah yang disewakan sebanyak RM650 sebulan setiap sebuah. Beliau mempunyai perbelanjaan tetap sebanyak RM1 800 sebulan dan perbelanjaan tidak tetap sebanyak RM700 sebulan.


Berapa aliran tunai bulanan Cik Aminah?

Cik Aminah works as a teacher. She earns RM4 500 as her income. Cik Aminah also has two houses which she rents out each of them for RM650 a month. She has fixed expenses of RM1 800 and variable expenses of RM700 in a month.

What is Cik Aminah's monthly cash flow?

- A RM2 500
B RM2 650
C RM3 300
D RM4 700

- 3 Rajah 1 menunjukkan graf laju-masa.
Diagram 1 shows a speed-time graph.




Rajah 1
Diagram 1

Cari tempoh masa, dalam saat, laju seragam objek itu.
Find the duration of time, in seconds, of the uniform speed of the object.

- A 7
B 8
C 16
D 17

- 4 Antara graf berikut, yang manakah mewakili graf fungsi, $f(x) = x^2 - 2$?
Which of the following graphs represents the function graph, $f(x) = x^2 - 2$?



- 5 Jadual 1 menunjukkan skor yang diperoleh oleh sekumpulan murid dalam satu kuiz.
Table 1 shows the score obtained by a group of students in a quiz.

Skor Score	1	2	3	4
Bilangan murid Number of students	k	10	9	21


Jadual 1
Table 1

Murid yang mendapat skor melebihi 2 akan diberi hadiah. Diberi bilangan murid yang mendapat hadiah ialah 2 kali bilangan murid yang tidak mendapat hadiah. Cari nilai k .

Students who obtained score more than 2 will be given a prize. Given that the number of students who received a prize is 2 times the number of students who did not. Find the value of k .

- A 5
B 8
C 20
D 50

- 6 Rajah 2 menunjukkan lima titik dilukis pada satah Cartes. Diagram 2 shows five points drawn on a Cartesian plane.



Rajah 2
Diagram 2

Diberi bahawa titik P' ialah imej bagi suatu titik P di bawah suatu translasi $(\begin{pmatrix} 5 \\ -2 \end{pmatrix})$.
Antara titik A, B, C dan D, yang manakah ialah titik P ?

It is given that point P' is the image of a point P under a translation $(\begin{pmatrix} 5 \\ -2 \end{pmatrix})$.
Which of the points A, B, C or D, is the point P ?

- 7 Sebuah beg mengandungi 5 guli merah, 3 guli kuning dan beberapa guli hijau. Sebiji guli dipilih secara rawak daripada beg itu. Diberi kebarangkalian memilih sebiji guli kuning ialah $\frac{1}{6}$, cari kebarangkalian memilih sebiji guli yang **bukan** hijau.
A bag contains 5 red marbles, 3 yellow marbles and a number of green marbles. A marble is picked at random from the bag. Given that the probability of picking a yellow marble is $\frac{1}{6}$, find the probability of picking a marble that is **not** green.

- A $\frac{4}{13}$
B $\frac{8}{23}$
C $\frac{4}{9}$
D $\frac{8}{11}$

Isu kepenggunaan era digital lebih mencabar

KRISIS pandemik COVID-19 yang menyerang seluruh dunia telah menjadikan transformasi digital 'mengambil tempat' lebih cepat daripada apa yang dijangkakan termasuklah urusniaga secara e-dagang di Malaysia.

Analisis oleh GlobalData, sebuah syarikat konsultan yang berpangkalan di United Kingdom pada September tahun lepas menyatakan pasaran e-dagang Malaysia dianggarkan mencatat pertumbuhan 24.7 peratus pada 2020 dan nilai pasarannya dijangka mencapai RM51.6 billion menjelang 2024.

Dengan pembelian secara dalam talian menjadi trend baharu, ia pastinya menjadi petanda positif kepada perkembangan ekonomi negara dan membantu memudahkan urusan jual beli meskipun dalam keadaan yang terhad dan tidak boleh bersemuka disebabkan pandemik.

RISIKO PENGGUNA SIBER

Kelaziman baharu ini telah menjadikan masyarakat semakin sebat dengan perniagaan secara dalam talian yang berfungsi melalui persekitaran digital atau siber.

Namun begitu dari satu sudut, bagaimana pula dengan isu-isu kepenggunaan era digital yang pada masa sama boleh mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko dan cabaran?

Menurut Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi yang juga Ketua Advanced Communication Research Unit (ACRU) Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Mohd Khairie Ahmad, berdasarkan statistik Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) di bawah CyberSecurity Malaysia, penipuan dalam talian mendominasi laporan yang melibatkan insiden siber.

Sekjuk dua tahun kebelakangan ini (2020 dan 2019), statistik penipuan dalam talian mewakili lebih daripada 70 peratus laporan insiden siber berbanding tahun-tahun sebelumnya (2018, 2017 dan 2016) dengan purata sekitar 48 peratus.

Tidak setakat itu, berdasarkan angka terkini pada Januari dan Februari 2021, penipuan dalam talian mewakili 65.1 peratus daripada keseluruhan 1916 insiden yang dilaporkan kepada MyCERT.

Mengulas lanjut beliau berkata terdapat dua aspek komunikasi yang dikaitkan dengan isu kepenggunaan apabila melibatkan urus niaga secara dalam talian atau e-dagang .

"Pertama ialah bagaimana sesuatu produk atau perkhidmatan dikomunikasi (dipromosikan). Terdapat kemungkinan maklumat barangan boleh diubah atau pengguna ditipu apabila maklumat atau imej produk dilakukan dengan teknologi aplikasi atau perisian tertentu bagi tujuan mengelirukan. Ini termasuklah aspek teknikal teknologi komputer seperti penyamaran produk dan akaun.

"Kedua ialah isu ketidakcepatan komunikasi dalam kalangan pengguna sendiri. Antara perkara yang boleh dikaitkan ialah kurangnya kemahiran untuk mengenal pasti keabsahan dan kesahihan maklumat e-dagang. Keadaan menjadi lebih buruk apabila pengguna ceteck ilmu kepenggunaan."

"Kurangnya pengalaman pembelian secara dalam talian, tidak cekap mencari maklumat atau bertanyakan maklumat kepada penjual serta tidak pandai membuat perbandingan dan menilai komunikasi produk juga boleh mengheret pengguna ditipu. Adakalanya pernyataan berbentuk manipulasi tidak mampu dikesan oleh pengguna," katanya kepada Bernama.

Terdapat ramai pengguna yang tidak sedar bahawa keupayaan komunikasi dalam talian juga mampu menyaring dan mengekstrak mak-

lumat peribadi mereka tanpa disedari.

Maklumat-maklumat berkenaan seterusnya boleh dijadikan sebagai komoditi dan dijual kepada pihak ketiga mengakibatkan pengguna mungkin diganggu, 'terpaksa' menerima maklumat atau promosi barang lain sama ada secara dalam talian mahupun secara konvensional.

GENERASI 'BORN DIGITAL'

Mohd Khairie menambah, menurut laporan agensi kewangan terkemuka Deloitte pada Oktober 2020, kumpulan pengguna yang berusia di antara 21 hingga 40 tahun merupakan penggerak utama e-dagang di Asia Tenggara termasuklah Malaysia.

Berdasarkan tinjauan oleh Deloitte ini, maka dapat dirumuskan bahawa e-dagang bukan sahaja didominasi oleh generasi 'born digital' malahan turut melibatkan 'immigrant digital' berikutnya arus perkembangan teknologi semasa yang memberi impak kepada seluruh masyarakat dan usia.

"Ramai yang menganggap bahawa hanya golongan 'born digital' atau generasi muda yang lahir dan membesar dalam persekitaran kehidupan digital lebih cenderung terhadap e-dagang. Hakikatnya, mereka yang lahir sebelum era Internet juga sangat aktif dalam e-dagang sekaligus menjadikan isu hak-hak kepenggunaan era digital atau siber ini lebih mencabar," jelasnya.

Berkongsi pandangan mengenai 'born digital', Prof Madya Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Dr Masitah Ahmad berkata walaupun istilah itu dikaitkan dengan generasi yang sejak lahirnya dilengkapi kemudahan teknologi digital, Internet, telefon pintar, komputer dan sebagainya, realiti masyarakat Malaysia hari ini tanpa mengira peringkat umur majoritinya sedang menuju ke arah itu.

Ia berikutan kesan krisis pandemik COVID-19 yang telah membataskan banyak aktiviti secara bersemuka dan menjadikan Internet dan ruang digital satu-satunya platform untuk masyarakat terus kekal berhubung, bekerja, menjalankan aktiviti jual beli dan lain-lain. Tinjauan Pengguna Internet 2020 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mendapati pengguna Internet meningkat sebanyak 1.3 peratus pada 2020 kepada 88.7 peratus berbanding 87.4 peratus pada 2018.

Aktiviti secara dalam talian yang dijalankan termasuklah komunikasi mesej (98.1 peratus), media sosial (93.3 peratus), menonton video (87.3 peratus), komunikasi suara/video (81.1 peratus) dan untuk mendapatkan maklumat (74.3 peratus).

LINDUNGI HAK PENGGUNA ERA E-DAGANG

Dalam pada itu, Mohd Khairie berkata Malaysia mempunyai beberapa akta yang mampu mengekang penipuan dalam talian dan menjamin hak pengguna termasuklah dalam era digital namun yang perlu diberi penerapan ialah aspek penguatkuasaan.

Selain Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan Akta Perdagangan Elektronik 2006 (E-dagang) sebagai antara yang mampu melindungi pengguna dari segi jaminan maklumat, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) juga berupaya menjamin keselamatan dan kerahsiaan maklumat peribadi pengguna.

"Di samping agensi-agensi terlibat perlu membina keupayaan kepakaran berkaitan aspek jaminan digital, agensi penguatkuasaan pula wajar dilengkapkan dengan pegawai yang pakar dari aspek pendigitalan atau keselamatan

siber bagi melindungi hak pengguna. Unit komunikasi siber yang memantau hal ehwal kepenggunaan digital wajar mempunyai strategi untuk menyakinkan pengguna di samping menyediakan persekitaran e-dagang yang selamat dan sejahtera.

"Walaupun era Internet menyediakan wadah mencari dan mengesahkan maklumat, namun pengguna lazimnya mengambil sikap ambil mudah dalam membuat sesuatu pilihan atau keputusan pembelian dalam talian. Jika dahulu pendidikan kepenggunaan disaran untuk dipupuk kepada pelajar sekolah namun dengan senario hari ini pendidikan kepenggunaan wajar dilaksanakan di semua peringkat.

"Teknologi komunikasi bersifat dinamik serta pantas berinovasi. Pendidikan kepenggunaan berteraskan digital seperti pembangunan aplikasi berbentuk kesedaran dan pendidikan berpotensi meningkatkan kecilikan kepenggunaan digital dan ia wajar dilakukan kerajaan, organisasi kepenggunaan dan seluruh masyarakat," katanya sambil menambah aplikasi bersifat penilaian kendiri celik kepenggunaan digital mampu menyediakan ekosistem yang lebih kondusif.

JENAYAH SIBER PINTAR

Sementara itu, menyifatkan tahap kemajuan jenayah siber kini memasuki fasa 'jenayah siber pintar' di mana sindiket menggunakan data pengguna untuk memanipulasi mangsa, Presiden Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA) Siraj Jalil berkata ramai mangsa jenayah siber khususnya dalam platform e-dagang mudah dimanipulasi bukan kerana mereka tidak mempunyai kesedaran sebaliknya penje-

nayah sudah berevolusi ke satu tahap berbeza.

Data Hootsuite pada Januari tahun ini menunjukkan pengguna siber di Malaysia adalah antara pengguna tertinggi platform e-dagang di dunia dengan kedudukan keempat dari sudut kadar penembusan dan ketujuh dari aspek penggunaan perbankan digital.

"Justeru, pengguna perlu sentiasa peka dengan sebarang urusan dalam e-dagang antaranya dengan memberi perhatian terhadap ketulenan profil sesebuah iklan, maklumat perniagaan yang berdaftar, akaun bank penerima yang wajib selari dengan nama profil iklan e-dagang, menyemak maklumat akaun atau nombor telefon di aplikasi Semak Mule PDRM serta merujuk kepada orang sekeliling sebelum membuat pembelian secara dalam talian.

"Mereka yang menjadi mangsa jenayah siber perlu segera membuat laporan polis dan menyertakan maklumat perbankan, nombor telefon dan lain-lain, menukar kata laluan akaun perbankan digital dan email, melaporkan kepada pihak jabatan perlindungan data peribadi atau MCMC sekiranya maklumat peribadi disalah guna oleh pihak ketiga.

"Tindakan membuat makluman rasmi di media sosial peribadi juga dapat membantu sebagai memberi peringatan kepada rakan-rakan lain agar tidak menjadi mangsa jenayah siber seterusnya," katanya sambil menambah kadar kebergantungan pengguna di Malaysia yang tinggi terhadap e-dagang terutama sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menuntut pengguna menjadi lebih peka dengan sebarang tawaran barang yang tidak masuk akal serta hebahan kesedaran jenayah siber.- BERNAMA

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA (Melaka State Development Corporation)		
KETERANGAN KERJA	BIDANG DAN TARAF PENDAFTARAN	PEMBAYARAN DOKUMEN
PKNM/T/1-2021 CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SATU (1) UNIT KELAS SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT ASRAMA SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT PEJABAT SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT SURAU BESERTA TANDAS SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT DEWAN SATU (1) TINGKAT, SATU (1) UNIT KEDAI SATU (1) TINGKAT BESERTA KEMUDAHAN ASAS DAN TANGKI OSD DI ATAS LOT 1726 & 1729, KAMPUNG TERSUSUN, BUKIT SENGGEH, DAERAH JASIN, MELAKA.	Gred : G4 Kategori : B Pengkhusus : B04 (Kerja-Kerja Am Bangunan) Tarikh & Masa : 29 Mac 2021 (Isnin) Lwat Tapak : 10.00 Pggi (Berkumpul di Jalan Maeuk Taman Burung Walli, Melaka) Koordinat GPS : 2.36988, 102.41130 Tarikh Jual Dokumen : 30 Mac 2021 hingga 6 April 2021 Tarikh Tutup Tender : 20 April 2021 (Selasa)	RM300.00 (Dalam Bentuk Wang Kiriman Pos (Money Order) Yang Tidak Akan Dikembalikan Semula.)
PKNM/T/2-2021 CADANGAN BAGI PEMBINAAN, PENYELENGGARAAN DAN MENAIKTARAF JALAN DAN LONGKANG DI KAWASAN BUKIT PULAU, DUN BUKIT KATIL, MELAKA.	Gred : G4 Kategori : CE Pengkhusus : CE01 (Pembinaan Jalan dan Pavemen) ATAU CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) Tarikh & Masa : 29 Mac 2021 (Isnin) Lwat Tapak : 9.30 Pggi (Berkumpul di Balai Raya Bukit Pulau, DUN Bukit Katil, Melaka)	RM300.00 (Dalam Bentuk Wang Kiriman Pos (Money Order) Yang Tidak Akan Dikembalikan Semula.)
LAWATAN TAPAK Kontraktor yang ingin menyertai tawaran ini adalah DIWAJIBKAN HADIR dalam LAWATAN TAPAK ini. Hanya Kontraktor yang HADIR sahaja DIBENARKAN untuk menyertai tawaran ini. Segala perbelanjaan ke tapak bina adalah atas tanggungan kontraktor. Hanya penamaan dalam Perjanjian Pendaftran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Lawatan Tapak atau Taklimat Tender. Walaubagaimanapun lawatan tapak akan diadakan pada ketentuan seperti di jadual dengan mematuhi 'Standard Of Procedure (SOP)' seperti berikut :-		
a). Pemakaian pelitup muka (face mask). b). Pemeriksaan suhu badan semasa lawatan tapak. c). Penjaraan sosial sejauh 1 meter d). Penggunaan sanitasi tangan		
1. Dokumen Tender serta lukisan boleh diperolehi dari Kaunter Bayaran Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, dalam waktu Pejabat. Dokumen-Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh tersebut. 2. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor/wakil-wakil yang bertauliah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor/wakil hendaklah mengemukakan perka-perka berikut :- i). Surat Perwakilan yang ASAL sekiranya kontraktor menghantar wakil. ii). Sijil-sijil asal dan salinan untuk rekod. 3. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Lobi Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, pada atau sebelum pukul 12.00 Tengahari.		



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

THE Banda islands, in the province of Maluku, in the easternmost part of the Malay Archipelago were famous for nutmegs. It was for the Spices (and the Gospel) that led the Europeans to traverse the Indian Ocean. They said it was also for the pepper. The king of spices will be the ingredient for another story. For now, we follow an English ship to the nutmeg growing Banda islands.

When the ship arrived at the main island of Neira, it found that the Dutch East India Company (VOC) had set up shop, and had forcibly imposed a monopoly on the locals. Faced with Dutch hostility, the English decided to trade with two tiny outlying islands – Pulau Ai and Pulau Run – where the locals had resisted Dutch pressure.

Pulau Run was a mere 700 acre of nutmeg plantation. It did not even have enough water or rice to sustain its small population. The story has it that the local chiefs were so afraid of the VOC that they threw themselves under English protection. Thus Ai and Run became the first colonies of the English East India Company (EIC). That would be the first property of the Company, dubbed the world's first global corporate raiders. That was in 1610. Many would have erroneously thought it the first British colony in the Malay Archipelago was Pulau Pinang.

The colonisation of the islands was said to be "a measure of the commercial importance attached that King James I would proudly proclaim himself "King of England, Scotland, Ireland, France, Puloway and Puloroon," as retold in Sanjeev Sanyal's *The Ocean of Churn: How the Indian Ocean Shaped Human History* (2016). The notoriously cruel Dutch governor general, Jan Pieterszoon Coen, mentioned in our school textbooks, led a genocide. He massacred the population at Bandawhom he accused of violating the VOC monopoly. Of the 15,000 people on the island, barely a thousand sur-



THE Banda Islands, in the province of Maluku, in the easternmost part of the Malay Archipelago were famous for nutmegs.

vived death or deportation. The VOC attack on Banda was one of the darkest episodes in the history of Dutch colonialism. It was a plunder on civilized society, law and order. Banda's 48 *Orang Kaya* were beheaded.

Those who survived were transported by ship to Batavia, some placed outside the city walls, made into slaves, and others sent to Ceylon. Coen then turned to Pulau Run. Five hundred VOC soldiers landed on the is-

Treaty of Breda 1667" (2020), described how the Dutch wanted to maximise the island's nutmeg production. The VOC used slaves as workers to grow, cultivate and harvest nutmegs.

The purchase price of VOC nutmegs in Banda was well below the selling price in Amsterdam. The profit margin could be as high as 1000 per cent. The staggering profit to the VOC became the main source of dispute between the Dutch and the owners of the plots – each plot approximately 3000 square meters.

The Banda islands and the competition on the nutmeg trade is a classic example of European barbarism in the world. But our history has not interpreted it that way. In the beginning, there was no monopoly, no violence, no genocide, and no slavery. The Portuguese was in Banda 1512, one year after they ransacked and pillaged Melaka. The Portuguese pirates were the earliest to monopolize the nutmeg trade. They were there too to avenge the defeat of the Franks to the Muslims during the Crusades, and to make Portugal a powerful Christian nation.

Then, the Dutch arrived in 1599, at the time when the Banda peoples were trying to free themselves from the Portuguese. The arrival of the Dutch was warmly welcomed. It was false hope. They cannot rely on pirates; or "country traders" in disguise through private trade formalized by the different European monarchs granting commissions. These were legalized privateering, represented and narrated in Eurocentric historiography as such. Reversing the narrative is long overdue. We read how the locals have been (re)invented as pirates in their own land (and seas), by the very pirates who stole the nutmegs.

// The arrival of the Dutch was warmly welcomed. It was false hope. They cannot rely on pirates; or "country traders" in disguise through private trade formalized by the different European monarchs granting commissions. These were legalized privateering, represented and narrated in Eurocentric historiography as such. //

Some 789 family members of the *Orang Kaya* were also put to death by beheading. According to historian Bondan Kanumoyoso from the University of Indonesia, the executions were served by the Japanese Ronin.

land. That spelt the end of the EIC's first colony. Sanyal pointed out that Coen would continue to systematically tighten his control over the East Indies by using brutal tactics to terrorise both European rivals and the local population.

In 1624, he used trumped up charges against the 15 Englishmen based in Amboina, also in the Maluku islands. Some of us may remember it as the Amboina Massacre. Almost 20 years later in 1641, the rivalry among the European pirates saw the eviction of the Portuguese from Melaka. Thus the Dutch managed to secure control over the routes to the Spice islands.

For the VOC, their full monopoly was to be sealed through the Treaty of Breda signed on 31 July, 1667 between the Dutch Republic, and its allies, France and Denmark on one side, and the British monarchy on the other. The rivalry in Europe was brought into the Malay Archipelago. The territorial compromises were arrived at thousands of kilometres from their European homeland.

The Treaty was in exchange for the Pulau Run, and Suriname in South America. The island and Suriname were to be given to the Dutch. The British got the Dutch colony of Nieuw Amsterdam in North America, renamed New York. Meanwhile more suffering was in store for the Banda Islands. Kanumoyoso in his paper "Banda Islands and the

NEXT WEEK: The Company

Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTACIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.




ILLUSTRATION OF THE ISLAND OF BANDA-NEIRA.

Masalah Diverticulosis Usus



DR. SHANKAR GUNARASA



BUKAN semua pendarahan usus adalah disebabkan oleh buasir. Inilah fakta yang sering saya utarakan kepada pesakit pesakit saya yang berjumpa saya dengan masalah pendarahan usus. Salah satu pendarahan usus yang ketara yang boleh memudaratkan nyawa ialah Divertikular usus.

Apakah itu Divertikular usus? Masalah ini berlaku apabila dinding usus besar mengembangkan bintik-bintik lemah yang menonjol keluar untuk membentuk kantong kecil, yang dipanggil diverticula. Apabila diverticulum ini menjadi radang atau dijangkiti, ia dipanggil diverticulitis. Diverticulosis dan diverticulitis bersama-sama dikenali sebagai penyakit divertikular.

Penyakit diverticular ini kebiasaanya berlaku pada usia 60-an tetapi kebelakangan ini kerap berlaku pada usia 40-an juga. Masalah ini berlaku kepada golongan yang kurang memakan makanan yang berserat yang akan menyebabkan sembelit. Sembelit sendiri tidak boleh menyebabkan penyakit divertikular, tetapi najis yang keras boleh mengakibatkan dinding usus besar melonjak



keluar dan membawa kepada diverticula. Oleh itu penyakit diverticular usus ini memang ketara di kalangan pesakit yang sering sembelit.

Diverticulitis pula disebabkan oleh jangkitan kuman atau keradangan yang berlaku pada diverticular. Simptomnya termasuk

- Kesakitan di abdomen
- Demam

- Perubahan kepada pembuangan najis
- Loya
- Pembuangan najis berdarah

Bagaimanakah untuk mengesan masalah ini? Diagnosinya sukar di kesan sekiranya tiada gejala kesakitan di abdomen. Kebanyakannya di kesan secara kebetulan semasa ujian kolonoskopi atau melalui CT scan. Oleh itu penyakit diverticular ini di kesan melalui dua cara yang telah di sebutkan iaitu dari kolonoskopi dan CT scan.

Jika pesakit yang sudah menghidapi masalah ini, pesakit perlu sedarkan komplikasi yang boleh berlaku dari diverticular usus ini.

Antara komplikasi penyakit diverticular ini termasuk pendarahan usus yang ketara. Ini bukan komplikasi yang biasa, tetapi ia boleh mengakibatkan sejumlah besar pendarahan sehingga boleh memudaratkan nyawa. Adakalanya pesakit perlu di berikan transfuse darah di sebabkan oleh pendarahan ini. Dalam sesetengah kes, pendarahan mungkin perlu disiasat dan dihentikan semasa kolonoskopi atau melalui pembedahan.

Divertikular bernanah adalah salah satu komplikasi lain dari masalah ini. Diverticulitis adalah jangkitan diverticula, dan jangkitan seperti ini juga boleh mengakibatkan nanah di diverticular, lebih-lebih lagi bila pesakit tersebut menghidapi masalah kencing manis. Masalah ini boleh di rawati dengan antibiotic tetapi jika tidak dapat di kawal, pembedahan terpaksa di lakukan. Pembedahan termasuk memotong sebahagian daripada usus yang dilengkari dengan diverticular ini.

Penembusan atau perforasi adalah lubang yang berkembang dan telah bocor dalam diverticula yang dijangkiti. Jika keborongan itu cukup besar, ia boleh menyebab-


kan nanah membina di dalam rongga abdomen dan akhirnya membawa kepada peritonitis. Peritonitis adalah keadaan yang serius yang boleh membawa maut jika tidak dirawat dengan segera melalui pembedahan. Malangnya banyak pesakit dating berjumpa dengan doktor pada tahap kritis ini.

Fistula boleh terbentuk apabila nanah, yang tidak sembuh, telah memecahkan dan berkomunikasikan secara terowong kepada organ lain.

Dengan diverticulitis, fistula mungkin berlaku antara usus besar dan usus kecil, usus besar dan kulit, atau, yang paling biasa, usus besar dan pundi kencing. Sesetengah pesakit boleh berkencingkan najis sekiranya diverticular tersebut berkomunikasikan fistula ke pundi kencing. Bila ini berlaku, pembedahan terpaksa di lakukan untuk memotong bahagian pundi kencing dan usus yang terlibat.

Untuk mengelakkan penyakit diverticular ini dan juga komplikasinya ialah dengan memakan makanan yang berserat dan mengamalkan gaya hidup yang sihat agar mengelakkan masalah sembelit. Sembelit adalah punca kepada masalah diverticular ini. Oleh itu jagalah cara pemakan kita. Sebahagian besar masalah di usus ini di sebabkan oleh cara pemakanan yang tidak sihat dan kurang seimbang. Jika di lihat di artikel-artikel saya sebelum ini, kebanyakan masalah di usus seperti buasir, barah usus dan masalah sembelit ini banyak bersangkutan dengan cara pemakanan kita.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah diverticulosis usus anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



'Tapaw' sasar 5,000 pendaftaran di Melaka

Faiz Hasan

DUYONG - Perkhidmatan pengantaran barang, makanan dan logistik yang disediakan Tapaw Group Sdn Bhd (Tapaw.com) mampu membuka peluang pemasaran buat peniaga kecil yang beroperasi di rumah maupun di bahu jalan bagi menjana pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Tapaw.com, Datuk Anuar A. Rahman berkata, perkhidmatan yang disediakan menerusi aplikasi itu mampu membantu peniaga mendapatkan penghantaran barang perniagaan buat pelanggan di negeri ini.

Menurutnya, perkhidmatan yang disediakan pihaknya itu menawarkan penghantaran pelbagai jenis perniagaan dengan pelbagai mod pengangkutan disediakan.

"Perkara ini mampu membuka peluang pekerjaan kepada semua pihak khususnya golongan belia bagi mendapatkan pendapatan tambahan."

"Kita juga memberi peluang buat mana-mana pihak bagi membantu perusahaan kecil sederhana (PKS) untuk diketengahkan dalam penggunaan perkhidmatan ini."

"Setakat ini kita telah mempunyai 100,000 kenderaan penghantaran di seluruh negara dan kini



ASHAKARI (kanan) menyampaikan kotak penghantaran kepada seorang penunggang yang berdaftar dengan aplikasi Tapaw.com

kita menasarkan sebanyak 5,000 pendaftaran di negeri ini bagi menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran Tapaw.com di Kompleks Japerun Duyong disempurnakan Pengurus Penyelaras Dewan Undangan Ne-

geri (DUN) Duyong, Datuk Ashakari Abu Noor, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ashakari berkata pihaknya menyambut baik peluang yang ditawarkan perkhidmatan itu yang mampu menawarkan pekerjaan buat individu terkesan dalam tempoh pasca pen-

ularan pandemik COVID-19.

"Kita harap penggunaan perkhidmatan Tapaw ini mampu digunakan menyeluruh di Melaka.

"Setakat ini seramai 20 penunggang penghantaran telah mendaftar dan kita buka peluang ini kepada sesiapa saja bagi mendapatkan pendapatan tambahan," kata

nya.

Untuk rekod Tapaw mempunyai enam segmen penghantaran antaranya barang, makanan, bahan basah, barang runcit dan lain-lain lagi.

Aplikasi itu boleh dimuat turun ke peranti pintar melalui platform Google Play dan AppStore.

RESIDENSI
Bukit Katil

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

DISKAUN REBAT
10% + 10%*

HARGA BERMULA DARIPADA
RM 186,300*

*Tertakluk pada termasuk syarat



Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

AG BUMI HARTANAH

RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

Isrin - Jumaat

(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



www.pr1ma.my

Ibu Pejabat PR1MA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)

E-mel: info@pr1ma.my

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang



f
PRIMA HOMES
g

PEMUAJ: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PUJ 1A/7A, OASIS DAMANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 9888 FAKS: 603-7840 0268 • Nombor lesen Peraja: 14169-4501-2021/01433/L • Tempoh Sah Laku: 16/12/2020 - 15/12/2021 • Nombor Permit Iklan dan Julian: 14169-4501-2021/01433/P • Tempoh Sah Laku: 16/12/2020 - 15/12/2021 • Pihak Berkuasa: Majlis Bandaraya Melaka Bersegerah • Nombor Pelan Bahagian Diluluskan: MBMB/KB/001/1C/2016/9 • Pembangunan Perumahan Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah Apartmen • Harga Jenis A (minimum) RM230,000 (maximum) RM382,000 • Harga Jenis B (minimum) RM1250,000 (maximum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM250,000 (maximum) RM297,000 • Pegangan Tanah: Pegangan Beteas Tanah Adat Melaka • Sekatan Kepentingan: Tiada • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh Djangka Siap: Mac 2023

Majlis Penyampaian Hadiah & Piala Pusingan YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman



TOH Puan Asmah menyampaikan hadiah kepada Farrahdiana Baharuddin dan Nasharah Zainal yang dinobat johan Pertandingan Masakan Etnik Melaka di Hotel Muzaffar, Ayer Keroh, baru-baru ini.

Pertandingan Masakan Etnik Melaka Penangan masakan 'Bugis' dinobat johan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Pelajar Jabatan Hospitaliti Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Alor Gajah, Farrahdiana Baharuddin dan Nasharah Zainal dinobat johan Pertandingan Masakan Etnik Melaka bersempena Hari Wanita Antarabangsa peringkat negeri Melaka di Hotel Muzaffar, di sini, baru-baru ini.

Kedua-dua mereka yang menghidangkan masakan etnik Bugis menewaskan 10 peserta lain, sekali gus membawa pulang hadiah utama RM1,500 berserta piala pusingan dan hadiah

iringan.

Selain hadiah utama, dua lagi pelajar IKTBN turut membawa pulang hadiah suguhan menerusi Norasyikin Muhamad Arifin dan Nurul Dafina Wahid yang menghidangkan makanan tradisi Baba Nyonya.

Hadiyah kemenangan disampaikan istri Yang di-Pertua Negeri Melaka Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Abdul Rahman.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Wira Latipah

Omar.

Pengarah IKTBN Alor Gajah Syamsul Tahrin Mohd Tahir bersama timbalannya, Shahrul Naimah Zulkifli serta Ketua Jabatan Hospitaliti IKTBN Alor Gajah Hairul Anuar Zakariah turut hadir memberi sokongan.

Seramai 30 peserta mengambil bahagian dalam Pertandingan Masakan Etnik Melaka anjuran Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Melaka bersempena Hari Wanita Kebangsaan itu, dengan 10 daripada mereka layak ke peringkat akhir bagi merebut Piala Pusingan Toh Puan.

Harga telur murah, barang cukup

Norizan Muhib

BANDARAYA MELAKA – Tindakan Singapura menarik balik bekalan telur dari negara ini menyebabkan harga telur dijual murah berbanding kebiasaanya di beberapa pasaraya utama di negeri ini.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati telur gred A yang kebiasaannya dijual pada harga sekitar RM13 seapanjang dijual pada harga RM10 dan gred C RM6.90 manakala gred D pada harga RM5.90.

Walaupun dijual pada harga agak rendah namun pembeli tidak melakukan pembelian panik dan bekalan bahan tersebut didapati masih mencukupi bagi menampung keperluan pengguna.

Seorang peniaga, Hafizah Ali, 29, berkata, pada awalnya dia agak bimbang tentang kenaikan harga telur di pasaran memandangkan Singapura menghentikan bekalan telur dari Selangor.

Namun, dia berasa sedikit lega apabila mendapati harga telur masih munasabah dan agak murah berbanding sebelum ini.

"Saya ingatkan harga telur akan naik apabila dengar berita tersebut, namun Alhamdulillah harga tidak berubah malah ikut Gred C dan D lebih murah sekarang," katanya ketika ditemui.

Baru-baru ini, Singapura mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik telur dari pasaran yang dihasilkan oleh sebuah syarikat di Jeram, Kuala Selangor.

Ia sebagai langkah berjaga-jaga berikutnya penemuan Salmonella Enteritidis (SE) pada produk berkenaan yang boleh menyebabkan penyakit disebabkan makanan, jika makanan itu dimakan secara mentah atau separuh masak.

Selain itu, kata Hafizah, ekoran keadaan itu, dia mengambil keputusan untuk membeli telur tambahan memandangkan ketika ini harga bahan makanan itu agak murah.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Norena Jaafar berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai kenaikan harga telur pada masa ini.

Menurutnya, pemantauan yang dilakukan pihaknya mendapati harga telur di pasaran masih munasabah.

Bagaimanapun beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kenaikan harga bahan tersebut diminta menyalurkan maklumat itu di Unit Penguatkuasaan Kementerian bagi tindakan lanjut.



HAFIZAH...lega harga telur masih munasabah dan agak murah berbanding sebelum ini.

" Kami tidak sangka dengan kurniaan yang indah ini, Alhamdulillah Allah kabulkan doa saya untuk memiliki rumah besar dan luas sebegini."

"Syukur dan leganya saya"

ALOR GAJAH – "Tidak dapat digambarkan syukur dan leganya saya ketika ini apabila hasrat yang sudah lama tersimpan kini menjadi kenyataan, kami sekeluarga dapat bertemu di rumah yang cukup sempurna," kata ibu tunggal Nazaria Ahmad, 42.

Menurut ibu kepada lima anak berusia 12 hingga 20 tahun itu, terpilih sebagai penerima rumah dibawah Program Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2020 adalah hadiah paling bermakna buat dirinya dan anak-anak kerana sebelum ini mereka tinggal di rumah pusaka yang sudah uzur.

Katanya, pendapatan sebagai pembantu kedai makan dengan gaji RM35 sehari sudah pasti dia tidak mampu untuk membaik pulih maupun membangin rumah baharu untuk keselesaan anak-anaknya.

"Selepas kematian suami, saya lah ketua keluarga dan syukur keperitan hidup ini mendapat perhatian MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) dan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) sebelum dibawa ke pengetahuan pihak TNB.

"Kami tidak sangka dengan kurniaan yang indah ini, Alhamdulillah Allah kabulkan doa saya untuk memiliki rumah besar dan luas sebegini," katanya.

Penyerahan rumah itu disempurnakan ADUN Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis dan hadir sama Ketua Retail TNB Melaka, Khairizam Ibrahim di Kampung Soloq Jeram, Rembia, di sini baru-baru ini.

Nazaria berkata, tanpa bantuan TNB melalui program ini sudah pasti impiannya yang ingin melihat anak-anak membesar dalam keadaan lebih selesa tidak akan tercapai.

"Terima kasih kepada semua yang terbabit terutamanya pihak TNB, rumah ini cukup sempurna untuk kami enam beranak dengan tiga bilik tidur dan ruang tamu termasuk bilik air yang besar ianya sungguh selesa," katanya.

Sementara itu, Khairizam berbantah, pada tahun lalu sebanyak RM300,000 diperuntukkan TNB untuk membina enam rumah baharu golongan asnaf dan pada tahun ini RM200,000 untuk membina empat buah rumah.

"Ini antara usaha TNB dalam berkongsi kemakmuran bersama-sama rakyat yang mana melalui program ini sebahagian daripada keuntungan dapat dikembalikan semula kepada rakyat," katanya.

Rancang sebelum keluarkan KWSP



SU-I

RENTETAN pendedahan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias baru-baru ini yang memberitahu mengenai pengeluaran yang dibuat oleh 30 peratus atau 1.6 juta pencarum, segelintir pakar kewangan mencadangkan agar usaha bersepadu perlu dilakukan oleh majikan, pencarum serta kerajaan sendiri, bagi meningkatkan jumlah simpanan yang mungkin terjejas.

Secara asasnya, memang perlu ada usaha untuk menambah simpanan pencarum KWSP yang telah menghabiskan hampir kesemua wang persaraan mereka.

Malah, Tunku Alizakri turut menyatakan beberapa pencarum KWSP mungkin hanya mempunyai baki minimum RM100 dalam akaun mereka selepas pengeluaran. Ini sangat menyediakan kerana simpanan untuk hari tua pencarum telah berkurangan. Fungsi KWSP untuk menyediakan pelan persaraan kepada pencarum akan menjadi sia-sia.



SETIAP pencarum yang melakukan pengeluaran KWSP dinasihatkan agar meningkatkan simpanan bulanan bagi mengimbangi semula pengeluaran yang telah dibuat oleh mereka.

Pihak KWSP turut melahirkan rasa bimbang dengan situasi tersebut, dan akan terus melakukan lebih banyak aktiviti serta kempen kesedaran betapa pentingnya simpanan untuk hari tua.

Untuk rekod, sebanyak RM18.1 bilion simpanan telah dikeluarkan oleh 5.16 juta ahlinya menerusi Skim Pengeluaran Akaun 2 i-Lestari yang dilancarkan sebelum ini. Selain itu, KWSP juga turut membenarkan ahli mengurangkan caruman wajib daripada

11 peratus kepada 7 peratus berkuatkuasa April 2020 sehingga Disember 2020.

SIMPANAN PERLU BAGI IMBANGI PENGELOUARAN

Bagi perancang kewangan, Toh Su-I, dia menasihatkan agar setiap pencarum sekurang-kurangnya meningkatkan simpanan bulanan untuk mengimbangi semula pengeluaran yang telah dibuat oleh mereka.

Su-I yang juga merupakan Dealers Representative Retail, Equity Broking Kenanga Invesment Bank Bhd menjelaskan, ianya merupakan satu langkah yang bijak memandangkan KWSP telah terbukti mampu memberikan pulangan faedah yang tinggi kepada setiap simpanan pencarum.

"Tiada pilihan mahupun cara lain bagi mereka yang hampir dengan usia persaraan selain meningkatkan sumbangan bulanan mereka," katanya.

Su-I turut meminta setiap pencarum dapat membuat perancangan awal jika ingin mencapai sasaran simpanan persaraan mereka.

"Ahli boleh memasukkan bonus akhir tahun ke dalam akaun KWSP mereka dari pada menghabiskannya. Ini sangat penting bagi mereka yang berusia pertengahan 40-an," katanya.

Daripada pandangan tersebut, satu perancangan rapi perlu dibuat jika ada pencarum yang berhajat untuk mengeluarkan wang di akaun KWSP dan penyimpanan yang besar perlu dibuat jika ingin menjamin hari persaraan kelak.

GALAK CARUM LEBIH BANYAK

Sementara itu, Presiden Persekutuan Majikan Malaysia, Datuk Shamsuddin Baran dan pula berpendapat, dia mendorong setiap ahli KWSP untuk mencarum lebih banyak daripada jumlah yang diperlukan setiap bulan.

Sebagai insentif, dia menyarankan agar

kerajaan meningkatkan pelepasan cukai sekarang sebanyak RM4,500.

Namun begitu, beliau tidak bersetuju dengan idea bahawa majikan harus mencarum jumlah yang lebih tinggi bagi pihak kaitangan mereka.

"Aliran pendapatan untuk majikan tetap terhad kerana pandemik COVID-19. Perniagaan masih belum mampu memberi peningkatan pendapatan yang besar walau pun semakin banyak syarikat sudah dibenarkan beroperasi.

"Pada masa ini, bahagian caruman majikan daripada KWSP adalah 13 peratus bagi mereka yang berpendapatan di bawah RM5,000 dan 12 peratus bagi mereka yang berpendapatan melebihi jumlah itu," jelasnya.

Katanya, kerajaan membuat keputusan yang sukar untuk membenarkan pencarum mengakses dana persaraan mereka kerana kesukaran yang mereka hadapi.

"Saya berpendapat bahawa pencarum tidak boleh dengan mudah mengakses dana persaraan akaun satu mereka kerana ini akan menimbulkan masalah di masa depan," ulasnya.

Presiden Majlis Perancangan Kewangan Malaysia, Vincent Kwo Shih Kang juga meminta kepada mereka yang membuat pengeluaran KWSP agar sentiasa berhati-hati dan merancang pelan kewangan dengan sebaiknya.

"Mereka yang telah membuat pengeluaran harus mempertimbangkan keperluan mereka sebelum membuat lebih banyak pengeluaran. Mereka harus menahan diri dari mengeluarkan dana sekiranya keadaan mereka bertambah baik."

"Menyalurkan dana ke Skim Persaraan Swasta, atau kepada simpanan persaraan lain di Malaysia juga merupakan pilihan. Tetapi hanya KWSP sahaja yang mampu memberikan pulangan pendapatan yang tinggi," tambahnya.



KWSP berperanan untuk menyediakan pelan persaraan kepada pencarum.

Busur, panah unik bercirikan Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SIAPA sangka, minat yang mendalam dalam bidang inovasi dan reka cipta berjaya mengangkat anak jati Durian Tunggal muncul sebagai pencipta pertama busur dan panah bercirikan Melaka.

Sufyan Mohd Salleh, 61 mengakui dia tidak pernah mengimpikan sesuatu seperti itu sebelum ini, apatah lagi membesar sebagai seorang yang bukan meminati sukan memanah.

"Mungkin atas faktor pengalaman saya dalam bidang kejuruteraan mekanikal selama 40 tahun membuatkan saya boleh sampai ke tahap ini."

"Pada awalnya, saya memang tidak berminat, tetapi ada rakan saya meminta saya menghasilkan set lengkap busur dan panah. Jadi, dari situ saya buat kajian dan fikir saya boleh buat inovasi," katanya.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata, bermula dari situ, dia mula melihat video-video penghasilan busur dan panah melalui YouTube dan Google dan cuba membuat satu inovasi baru.

"Mula-mula saya memang ikut bulat-bulat rekaan busur dan panah

yang saya belajar, tetapi lama-lama saya terfikir kenapa tidak saya mereka sendiri panah dengan satu bentuk yang unik dan tiada di pasaran.

"Dari situdah, tercetusnya idea untuk saya menghasilkan busur dan panah bercirikan Melaka yang mempunyai ciri-ciri kemelayuan dan klasik yang boleh dilihat pada pangkal atau siyah busur dan panah yang saya hasilkan," katanya.

BUSUR PANAH TERBANG KE HUNGARY

Disebabkan keunikan itulah senjata yang dihasilkan graduan Sekolah Vokasional Sungai Abong itu mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Meskipun berdepan cabaran sejak pandemik COVID-19 melanda negara, namun ia tidak menjelaskan pendapatan Sufyan daripada penghasilan busur dan panah apabila berjaya menjual tidak kurang 40 set dalam tempoh sebulan.

"Dengan harga sekitar RM450 hingga RM900 untuk satu set lengkap, busur dan panah yang saya hasilkan boleh dikatakan antara yang paling berpatutan di pasaran.

"Kebanyakan pelanggan saya adalah dalam kalangan mereka yang berumur 30-an. Ada yang memang beli kerana berminat dengan sukan memanah, namun ada juga yang sekadar mahu menjadikannya sebagai hiasan rumah.

"Namun, paling membanggakan apabila alat ciptaan saya telah dibeli pelanggan dari Hungary," katanya.

MARTABATKAN SUNNAH NABI

Sufyan berkata, memandangkan memanah merupakan antara sunnah Rasulullah SAW, dia bertekad untuk terus memperjuangkan sukan itu agar ia tidak luput ditelan zaman.

Katanya, dalam usaha memastikan warisan itu terus dipelihara, dia kini telah menurunkan bakat tersebut kepada anaknya, Mohd Fadhil, 27.

Malah, dia yang kini membuka Taming Sari Archery di rumahnya juga tidak lokek untuk menurunkan segala ilmu kepada sesiapa sahaja yang berminat mempelajari dan mendalami sukan berkenaan ataupun penghasilan busur dan panah tersebut.

"Saya juga ada membuat kursus memanah di Taming Sari Archery



SUFYAN bersama busur panah unik bercirikan Melaka yang dihasilkan di Taming Sari Archery.

yang mana ia diadakan secara per-cuma sahaja. Saya tidak pernah meminta bayaran untuk sesiapa sahaja yang ingin mendalami sukan memanah ini.

"Kerana saya menganggap kerja yang dilakukan ini juga sebagai satu dakwah dalam usaha untuk terus mengembangkan sukan yang digemari Rasulullah SAW," katanya lagi.



Semua Boleh Belajar

Ambilan Mei 2021 Kini Dibuka

- > Program diakreditasi oleh MQA
- > Gunakan pengalaman kerja untuk kemasukan melalui APEL
- > Belajar dalam talian tanpa meninggalkan keluarga dan kerjaya
- > Pembiayaan mudah dengan pinjaman PTPTN, pengeluaran KWSP dan HRDF
- > Diskaun 10% setiap semester
- > Diskaun 15% setiap semester khas buat alumni. Pasangan, anak dan adik-beradik layak memohon.
- Tertakluk terma dan syarat
- * Program dijalankan secara dalam talian.
Tertakluk terma dan syarat.

Pilihan yang fleksibel

Biasiswa RM1Juta
Diploma dan Sarjana Muda

Pengajian Separuh Masa

HARI Terbuka

26-28
MAC
2021

23-25
APR
2021

28-30
MEI
2021

Ganjaran rebat sehingga RM400 untuk tempoh yang terhad. Jangan lepaskan peluang ini!

Daftar dalam Talian Sekarang
oum.edu.my

PUSAT PEMBELAJARAN MELAKA

06-2921852
019-2181851
019-2663628

OUM Melaka
oummelaka

PKBM atur persediaan hadapi Olimpik

PERSEKUTUAN Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) akan mengadakan satu program praperlumbaan dari 22 hingga 26 Mei depan di Velodrom Nasional Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan sebagai persediaan menghadapi Sukan Olimpik Tokyo, Julai ini.

Setiausaha Agung PKBM Datuk Ashakari Abu Noor berkata, ia bagi membolehkan pelumba basikal trek negara Mohd Azizulhasni Awang dan rakannya Muhammad Shah Firdaus Sahrom dapat menyesuaikan diri dengan suasana sebenar pertandingan itu.

Beliau berkata hasil per-

bincangan bersama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM), program praperlumba itu juga bagi membolehkan pelumba menyesuaikan diri mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan kriteria ditetapkan ketika pandemik COVID-19.

"Dengan langkah diambil ini, kita berharap atlet negara mampu melakar kejayaan sekaligus menghadiahkan pingat untuk negara pada Sukan Olimpik nanti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran syarikat penghantar TA-

PAW.COM di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ashakari berkata pihaknya dimaklumkan Mohd Azizulhasni dijangka pulang ke tanah air pada 5 Mei depan.

Katanya pelumba pecut nombor satu dunia itu juga sedang menjalani pemantauan serius dan latihan yang sangat padat di bawah kendalian jurulatih berbasikal trek negara John Beasley di Melbourne, Australia bagi mengekalkan prestasi dan momentum menjelang temasya itu.

Jaguh berbasikal negara



ASHAKARI

yang juga terkenal dengan jolokan 'The Pocket Rocketman' itu layak ke Olimpik Tokyo melalui acara kegemarannya iaitu keirin serta acara pecut individu manakala Muhammad Shah Firdaus bagi acara pecut.

Sukan Olimpik Tokyo akan berlangsung dari 23 Julai hingga 8 Ogos depan. - BER-NAMA

Sukan SEA 2021 'Badang' negara akan dipilih

PERSEKUTUAN Angkat Berat Malaysia (PABM) bakal menganjurkan kejohanan dalam pada awal bulan depan bagi memilih peserta negara ke Sukan SEA 2021 di Hanoi, Vietnam, November ini.

Presidennya Datuk Ayub Rahmat berkata, pihaknya telah menyenaraikan 38 atlet iaitu 11 daripada Program Podium, dua daripada skuad pelapis negara dan 25 daripada skuad negeri untuk bersaing dalam kejohanan tersebut bagi mendapatkan kedudukan terbaik supaya melayakkan diri ke dalam skuad negara.

Beliau menegaskan bahawa 13 atlet kebangsaan sedia ada turut tidak ketinggalan daripada ujian bagi menentukan mereka mampu mengekalkan kedudukan atau sebaliknya pada kejohanan itu.

"Melalui bimbingan daripada barisan jurulatih yang ada sekarang, saya mengharapkan atlet negara dapat melakukan yang terbaik dalam kejohanan tersebut."

"Bagaimanapun, barisan jurulatih negara telah menyiapkan perancangan bagi menghadapi Sukan SEA," katanya menerusi kenyataan baru-baru ini.

Dua pemenang pingat emas Sukan Komanwel 2018, Muhammad Azroy Hazalwafie Izhar Ahmad bagi kategori 56 kilogram (kg) dan Muhamad Aznil Bidin (62kg), serta Muhamad Erry Hidayat (73kg) antara atlet kebangsaan yang disenaraikan.

Selepas Persekutuan Angkat Berat Antarabangsa (IWF) melarang badang negara menyertai Sukan Olimpik Tokyo pada Julai ini kerana kesalahan doping masa lalu, Ayub berkata pihaknya sedang menyusun perancangan untuk membaik prestasi atau sekurang-kurangnya mengekalkan dua emas pada Sukan Komanwel 2022 di Birmingham, England.

Sementara itu, Ayub berkata PABM juga telah menyalurkan sumbangan kecemasan kepada isteri bekas jaguh angkat berat negara, Muhamad Hidayat Hamidon bagi meringankan beban yang dihadapi keluarga beliau.


"PABM juga sedang meneliti dan akan membuat tindakan lanjut selepas menerima laporan kesihatan beliau dari pihak hospital. PABM sentiasa prihatin dan menjaga kebijakan bekas atlet negara dan pegawai teknikal."

"Bantuan akan diberikan kepada yang memerlukan bukan sahaja melalui kewangan, tetapi melalui kursus dan bengkel perniagaan dan keusahawanan bagi membantu mereka memperoleh pendapatan bulanan dengan sokongan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (Yakeb) dan badan korporat yang lain," jelasnya.

Hidayat, pemenang pingat emas Sukan Komanwel 1998 dan bekas jurulatih negara, dilaporkan dikejarkan ke Institut Jantung Negara (IJN) dua hari lalu akibat masalah jantung.-BERNAMA



PABM telah menyenaraikan 38 atlet iaitu 11 daripada Program Podium, dua daripada skuad pelapis negara dan 25 daripada skuad negeri untuk bersaing dalam kejohanan dalam pada awal bulan depan bagi memilih peserta negara ke Sukan SEA 2021 di Hanoi, Vietnam, November ini. Gambar Hiasan



PASUKAN Academy (biru) tenang menewaskan pasukan lawan dengan strategi yang teratur, sekali gus membuatkan pasukan Gladiators Raptors (merah) sukar untuk mendapat mata penyamaan.

MLBB Online Mini Tournament

Pasukan Academy unggul raih juara

PASUKAN Academy melakar kejayaan bersejarah selepas berjaya memenangi kejohanan mini dalam talian (online mini tournament) Mobile Legend Bang Bang (MLBB) anjuran Melaka Esports Association (MEA) pada 14 Mac lepas.

Dalam perlawanan akhir kejohanan itu, pasukan Academy menundukkan pa-

sukan Gladiators Raptors 2-0 dalam satu pertembungan sengit antara kedua-dua pasukan.

Walaupun sengit, pasukan Academy tenang menewaskan pasukan lawan dengan strategi yang teratur, sekali gus membuatkan pasukan Gladiators Raptors sukar untuk mendapat mata penyamaan.

Selaku pasukan juara, pasukan Academy berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM500, manakala pasukan Gladiators Raptors RM250.

Sementara itu, sebanyak 32 pasukan bertanding dalam kejohanan mini itu, dengan menyaksikan jumlah hadiah keseluruhan sebanyak RM1,000 telah ditawarkan.



>> PKBM atur persediaan hadapi Olimpik

23

MELAKA HARIINI / 22 - 28 MAC 2021

Sukan MELAKA HARIINI



>> Pasukan Academy unggul raih juara

23

Gegau Jebat!



Mohamad Fazrul Abdul Majid

Foto Kredit FB MUFC

PENYOKONG Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) menyuarakan keterujaan untuk kembali ke stadium selepas kerajaan membenarkan kemasukan penonton ke stadium bermula 1 April depan.

Pengerusi Kelab Penyokong Batu Bata Melaka United Ahmad Najmi Akbar Ali menyifatkan pengumuman itu sebagai satu berita baik untuknya dan penyokong-penyokong lain apatah lagi lebih setahun tidak dapat menyaksikan aksi skuad Hang Tuah secara langsung di stadium.

"Kami sudah tidak sabar untuk menyaksikan pasukan kesayangan kami beraksi di Stadium Hang Jebat dan dapat menyaksikan mereka secara langsung seperti dahulu.

"Sudah tentulah kami sebagai penyokong dan pemain ke-12 pasukan akan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) dan arahan yang ditetapkan bagi memastikan kebeba-

ran ini tidak akan ditarik semula," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Nada sama turut disuarakan pentadbir Kelab Tegar Melaka United, Rinkashi atau mesra dipanggil Abang Rin.

Beliau mengakui berita itu bukan sahaja khabar baik buat penyokong bahkan juga turut membantu kelab menjana kewangan daripada jualan tiket.

"Inilah masa yang sesuai untuk semua penyokong 'menyerang' semula stadium untuk memberikan sokongan keopada pasukan kita selepas setahun tidak dapat berbuat demikian.

"Secara tidak langsung ia juga sangat membantu pasukan untuk menjana kewangan yang diperlukan selepas ditransformasikan kepada penswastaan bermula tahun ini.

"Saya percaya kemasukan ke stadium ini perlu dipandang dari sudut positif. Andainya semua penyokong memberikan kerjasama yang baik dan mematuhi SOP, insyaallah tidak akan

wujudnya sebarang kluster stadium," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Mohd Saiful Mat Sapri merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan untuk membenarkan semula kemasukan penyokong ke stadium.

Beliau ketika dihubungi MHI memaklumkan pihaknya sudah bersedia dengan segala persiapan untuk menerima semula kehadiran penyokong, termasuk bakal melancarkan satu aplikasi baharu MUFC bagi pembelian tiket secara dalam talian.

"Aplikasi baharu MUFC ini kita jangka akan dilancarkan dalam masa terdekat. Di situ, penyokong bukan sahaja untuk pembelian tiket tetapi juga untuk cenderahati dan juga pelbagai maklumat mengenai pasukan.

"Selain itu, selepas ini juga kita akan mengadakan mesyuarat bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan agensi-agensi berkaitan


untuk memastikan segala proses kemasukan penyokong di stadium berjalan lancar," katanya.

Pada 18 Mac lepas, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan kerajaan bersetuju membenarkan kemasukan penonton ke stadium bagi kejohanan sukan seperti Liga Malaysia mengikut prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Belia dan

Sukan (KBS) berkuat kuasa 1 April.

Kebenaran itu bagaimanapun tertakluk kepada kapasiti stadium iaitu 10 peratus atau 2,000 orang di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), manakala di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pumulihan (PKPP) sebanyak 25 peratus kapasiti atau 8,000 orang dengan kawalan penyeliaan sepanjang masa.

'Badang' negara akan dipilih



LIGA SUPER MALAYSIA 2021 | JADUAL PERLAWANAN MELAKA UNITED FC

PERLAWANAN KE - 6	PERLAWANAN KE - 7	PERLAWANAN KE - 8	PERLAWANAN KE - 9	PERLAWANAN KE - 10	PERLAWANAN KE - 11
STADIUM SULTAN IBRAHIM, ISKANDAR PUTERI JUMAT, 2 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SELASA, 6 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM UITM, SHAH ALAM SABTU, 10 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA AHAD, 18 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM PERAK, IPOH AHAD, 9 MEI 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SELASA, 18 MEI 2021 9.00 PM

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka Tv

Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : melakauitedfc.com

PERSEKUTUAN Angkat Berat Malaysia (PABM) bakal menganjurkan kejohanan dalaman pada awal bulan depan bagi memilih peserta negara ke Sukan SEA 2021 di Hanoi, Vietnam, November ini.

Presidennya Datuk Ayub Rahmat berkata, pihaknya telah menyenaraikan 38 atlet iaitu 11 daripada Program Podium, dua daripada skuad pelapis negara dan 25 daripada skuad negeri untuk bersaing dalam kejohanan tersebut bagi mendapatkan kedudukan terbaik supaya melayakkan diri ke dalam skuad negara.

23